



Halatuju Baharu Melaka

KETUA MENTERI menggariskan 175 strategi dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya untuk melonjakkan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat dalam tempoh 15 tahun. Antara intipati adalah :

- ✓ M-WEZ akan dibangunkan
- ✓ Air akan diurus secara mampan
- ✓ Melaka ke arah negeri digital
- ✓ 'Easy Shop' bantu usahawan 2,3&4



PARLIMEN MASJID TANAH
DUN KUALA LINGGI

**DUN
Kuala
Lingga**



175 strategi digariskan

Pacu pembangunan Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH — Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) bakal menggariskan 175 strategi untuk memacu pembangunan komprehensif dan holistik negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, kesemua strategi itu melibatkan pelbagai pelan tindakan berbentuk program dengan sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) jangka pendek, sederhana dan panjang.

"PSMJ 2035 ini bukanlah dibuat secara semberono atau tangkap muat tetapi ia telah melalui pelbagai proses yang panjang."

"Ia termasuklah melalui proses hujahan dan bengkel yang agak panjang, selain turut membuka maklum balas kepada orang ramai untuk turut serta bagi memastikan se-

suatu dasar dapat dilaksanakan secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian pada Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri dan Majlis Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), pada 8 Mac lepas.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr. Hasim Hasan, barisan Exco kerajaan negeri serta wakil jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Sulaiman menzahirkan keyakinan PSMJ 2035 yang dilancarkan secara rasmii pada 8 Mac lepas dapat memacu dan merancak pertumbuhan ekonomi selain turut meningkatkan sektor pelancongan, pemuliharaan warisan dan peningkatan modal insan di negeri ini.

PSMJ 2035
ini bukanlah dibuat secara semberono atau tangkap muat tetapi ia telah melalui pelbagai proses yang panjang. //

ini.

"Untuk itu, saya mera-kamkan penghargaan kepada semua agensi dan pihak-pihak terlibat dalam mendokumentasikan pelan strategik ini hingga menjadi kenyataan."

"PSMJ 2035 akan menjadi detik bersejarah menuju perjalanan jauh dalam kanvas baharu yang akan membawa Melaka menuju masa depan cerah dan penuh gemilang," ujarnya.



SULAIMAN ketika berucap dalam Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri dan Majlis Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035.

Lapan tema utama pembangunan diperkenalkan

SEBANYAK lapan 'flagship' atau tema utama pembangunan telah digariskan sebagai antara agenda bagi merealisasikan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035).

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, lapan flagship itu dipilih untuk memacu pembangunan Negeri Melaka bagi tempoh 15 tahun akan datang, bermula tahun ini.

Jelas Ketua Menteri, antara tema yang diberi penekanan ialah Zon Pembangunan Ekonomi menerusi Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ), pengurusan air mampan, pembangunan bersepadu dan digital Melaka.

"Melalui M-WEZ, sebanyak tiga fokus utama ditetapkan iaitu menerusi Pelan Induk Pembangunan M-WEZ (Blueprint M-WEZ), mempelbagaikan ekonomi negeri menerusi aktiviti berkaitan maritim di sepanjang perairan negeri serta memperkuatkan infrastruktur utama dengan penekanan ke arah infrastruktur digital dan utiliti."

"Pembangunan air mampan pula memberi penekanan kepada pengurusan sumber air, pengurusan air terawat dan pengurusan banjir, manakala pembangunan bersepadu diwujudkan salah satu pemangkin utama di dalam Pelan Pembangunan Negeri Melaka."

"Selain itu, Digital Melaka pula akan memfokuskan pemanfaatan infrastruktur telekomunikasi, pemerkaan aplikasi pintar dan kandungan

digital (Smart Melaka), tadbir urus digitalisasi kerajaan serta kesedaran masyarakat ke arah pendigitalan," katanya.

Mengulas lanjut, Sulaiman turut menggariskan empat lagi tema merangkumi Melaka Negeri Usahawan, Melaka Negeri Pelancongan, Melaka Hub Pendidikan dan Melaka Sejahtera bagi melengkapkan keberke-

san PSMJ 2035.

"Jelasnya, melalui tema-tema itu ia diyakini dapat memperkasa sektor keusahawanan, pelancongan dan pendidikan sebagai sektor penting negeri selain turut memberi penekanan kepada Melaka Sejahtera yang memfokuskan aspek perpaduan, kebajikan, kesihatan, belia dan sukan," ujarnya.

8 FLAGSHIPS

Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035

1. Zon Pembangunan Ekonomi - Melaka Waterfront Economic Zone atau M-WEZ
2. Pengurusan Air Mampan
3. Pembangunan Bersepadu (Transit Oriented Development)
4. Digital Melaka
5. Melaka Negeri Usahawan
6. Melaka Negeri Pelancongan
7. Melaka Hub Pendidikan
8. Melaka Sejahtera (Perpaduan, Kebajikan, Kesihatan, Belia & Sukan)



SULAIMAN ketika melancarkan perasmian Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 sambil disertai Ab Rauf (kanan) dan Hasim (kiri) di MITC pada 8 Mac lepas.

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15 MAC 2021	6.10 am	7.17 am	1.23 pm	4.29 pm	7.24 pm	8.33 pm
16 MAC 2021	6.09 am	7.17 am	1.22 pm	4.28 pm	7.24 pm	8.33 pm
17 MAC 2021	6.09 am	7.17 am	1.22 pm	4.27 pm	7.24 pm	8.33 pm
18 MAC 2021	6.09 am	7.16 am	1.22 pm	4.26 pm	7.24 pm	8.33 pm
19 MAC 2021	6.08 am	7.16 am	1.21 pm	4.26 pm	7.24 pm	8.32 pm
20 MAC 2021	6.08 am	7.16 am	1.21 pm	4.25 pm	7.23 pm	8.32 pm
21 MAC 2021	6.08 am	7.15 am	1.21 pm	4.24 pm	7.23 pm	8.32 pm

PELAN Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang dilancarkan secara rasmi baru-baru ini bakal menjadi dokumen hidup (the living document) yang boleh dijadikan rujukan pemimpin akan datang.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, dokumen yang dihasilkan itu disifatkan sebagai sebuah pelan strategik, holistik dan komprehensif yang dirangka untuk tempoh 15 tahun serta melewati Rancangan Malaysia ke-12, 13 dan 14.

Jelas Ketua Menteri, PSMJ 2035 adalah satu kesinambungan serta wawasan daripada pemimpin terdahulu yang telah diolah mengikut peredaran zaman dalam usaha mengembalikan kegembilan Melaka seperti mana 750 tahun lalu.

"Kepada pemimpin di masa akan datang, benda (dokumen) sudah saya siapkan. Kalau perlu ditambah baik mengikut tuntutan zaman pada ketika itu, dipersilakan. Tetapi inilah rujukan atau kitab yang boleh dijadikan panduan."

"Saya tidak buat benda ini (PSMJ 2035) untuk saya. Ia juga bukan untuk pemimpin serta Exco yang ada sekarang. Tetapi ia dibuat untuk generasi akan datang."

"Kalau bukan untuk anak kita, InsyaAllah untuk anak cucu kita di masa akan datang supaya kita mesti persiapkan ruang serta peluang kepada generasi ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis pelanca-

Dokumen 'hidup' rujukan pemimpin akan datang



SULAIMAN ketika berucap di hadapan penjawat awam yang hadir dalam majlis itu.

ran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, pihaknya berharap pelan berkenaan dapat disokong oleh semua

pihak, selain turut dijadikan rujukan utama semua agensi kerajaan di negeri ini yang mana ia perlu diterjemahkan menjadi pelan tindakan konkret dan petunjuk prestasi utama

bagi mencapai kecemerlangan pentadbiran di negeri ini.

"Dengan lima Melaka Key Result Area (MKRA) dan lapan 'flagship' atau tema pembangunan yang

ditetapkan bagi memacu pembangunan Melaka untuk tempoh 15 tahun akan datang, saya berharap ia mendapat sokongan semua pihak," ujarnya.

'Easy Shop Melaka' platform pacu sektor keusahawanan

SEBUAH platform digital yang dikenali sebagai Easy Shop Melaka antara program bakal dibangunkan bagi memperkasa sektor keusahawanan negeri secara komprehensif dan inklusif pada masa akan datang.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, perkara itu salah satu intipati di bawah tema utama Melaka Negeri Usahawan dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035).

Jelasnya, melalui pelan itu kerajaan negeri akan memberi keutamaan kepada membina dan membangunkan industri keusahawanan sedia ada yang lebih berdaya saing serta memberikan tumpuan untuk menjana industri baharu yang dilihat lebih berjaya di luar dalam tempoh 15 tahun akan datang.

"Melalui flagship ini, antara program yang akan dilaksanakan seperti pelancaran platform digital Melaka yang

dikenali sebagai Easy Shop Melaka.

"Tidak hanya itu, program seperti Melaka Agro Market (Mix Market) dan pengisian serta pengoperasian usahawan di premis Melaka Halal Hub Serkam juga menjadi antara program yang akan dirangka.

"Kerajaan negeri turut berhasrat menyemarakkan lagi program dan budaya keusahawanan di Melaka sepanjang tahun ini," katanya.

Mengulas lanjut, Sulaiman ber-

kata, bidang keusahawanan dilihat mempunyai potensi yang cukup besar memandangkan melalui kursus keusahawanan secara dalam talian yang dianjurkan Institut Tun Perak pada 18 Februari lalu telah berjaya menarik minat 325 usahawan

Melaka untuk mendaftarkan diri.

Tambahnya, sekiranya ada dalam kalangan usahawan atau peniaga yang memerlukan sokongan dan bantuan, kerajaan negeri sentiasa bersedia menghulurkan tangan untuk membantu.



SULAIMAN beramah mesra dengan ketua-ketua jabatan yang hadir ke program tersebut.



Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035
menggariskan

5 Melaka Key Result Area (MKRA)

SATU: Revolusi Industri dan Ekonomi

DUA: Kelestarian Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat

TIGA: Perluasaan Inisiatif Pintar Dan Pemerksaan Data

EMPAT: Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan

LIMA: Pemerksaan Induksi Pelancongan
Dan Pendidikan Di Tahap Global

Agensi pelaksana perlu main peranan menyeluruh

Farah Suhaidah Othman

PELAN Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035 mampu dilaksanakan secara berkesan sekiranya setiap agensi pelaksana mengambil peranan dan tanggungjawab dengan lebih tuntas dan menyeluruh.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi Melaka (PBM), Tee Mei Ghee berkata bagi memastikan pelaksanaan 175 strategi PSMJ, pihaknya akan memastikan segala perancangan membabitkan program serta aktiviti berkaitan bioteknologi dilaksanakan tahun ini sebagaimana saranan 'tagline' Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali untuk



MEI GHEE



HAFIZUDDIN

'kasi jadi'.

Katanya, untuk permulaan agensi itu mengambil inisitif membantu kerajaan negeri menerusi program

pengedaran pelitup muka dan cecair pembasmi kuman kepada pelajar sekolah di negeri ini.

"Salah satu 'flagship' ber-

"Sudah tiba masanya kerajaan mengambil serius untuk meningkatkan kemudahan jaringan telekomunikasi yang kadang kala berada dalam keadaan tidak seimbang, dengan jaringan sekejap ada sekejap tidak ada."



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (dua kiri) mengaminkan bacaan doa yang dibacakan oleh Mufti Melaka Datuk Wira Abdul Halim Tawil (tiga kiri) dalam Majlis Kesyukuran Sempena Satu Tahun Melaka di Bawah Pentadbiran Ketua Menteri Melaka di Masjid Al-Alami, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) pada 11 Mac lepas.

Hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan, barisan EXCO kerajaan negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Datuk Md Azhan Samat dan lain-lain kenamaan.

kaitan bioteknologi adalah berkaitan kesihatan, jadi kita dalam perancangan untuk menyediakan makmal yang menjalankan ujian sampel sarngan dan pengesanan COVID-19.

"Perkara itu masih dalam proses mendapatkan kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), jadi kita harap perkara itu dapat dilaksanakan seiring dengan perancangan PSMJ," katanya

ketika dihubungi di sini.

Sementara itu, pemilik sebuah syarikat digital negeri ini, Hafizuddin Othman, 30 berkata, dia menyokong tinjakan kerajaan menerusi PSMJ 2035 yang disifatkan pembangunan jangka panjang dalam meningkatkan sektor pendigitalan di negeri ini.

"Sudah tiba masanya kerajaan mengambil serius untuk meningkatkan kemuda-

han jaringan telekomunikasi yang kadang kala berada dalam keadaan tidak seimbang, dengan jaringan sekejap ada sekejap tidak ada.

"Selain itu, usaha kerajaan untuk menarik lebih ramai peluang pekerjaan dalam ekonomi digital adalah sesuatu yang dinantikan kerana rakyat Melaka ini perlu diterapkan dengan satu 'input' yang baharu bagi menjana pendapatan," katanya.

Teruja muhlihat Melaka gah di mata dunia

PELANCARAN Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 yang disempurnakan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada 8 Mac lepas telah menzahirkan keterujaan di kalangan masyarakat umum negeri ini.

Bagi Fazly Azali, 29, dia menyifatkan pelan tersebut sebagai tepat pada masanya memandangkan di kala dunia diselubungi pandemik COVID-19, kerajaan negeri perlu menongkah arus dengan perancangan pembangunan baharu selari dengan keperluan ekonomi pada masa akan datang.

Qayum Selamat, 32, pula berpendapat, pelan tersebut memberikan sinar kepada masyarakat negeri ini memandangkan ianya bakal memberikan manfaat lebih buat orang Melaka amnya.

"Apabila melihat pelan tersebut, saya amat teruja dengan apa yang dirancang oleh kerajaan negeri dan apa yang menarik perhatian saya, dalam pelan itu turut meletakkan Digital Melaka sebagai misi pelan tersebut.

"Sebagai seorang pengamal bidang kreatif digital, saya mengucapkan terima kasih buat Ketua Menteri (Sulaiman), kerana memahami akan pentingnya digital dalam sejagat dunia hari ini, dan langkah pelan ini adalah relevan demi pembangunan negeri tercinta ini."

tempoh 14 tahun ini," katanya. Berasal dari Telok Mas, Fazly yang bekerja sebagai pegawai pemasaran di sebuah syarikat swasta turut berharap Ketua Menteri sendiri dapat menghebahkan perkara ini dengan lebih jelas agar masyarakat negeri ini terutamanya anak muda dapat memahami dengan lebih lanjut mengenai intipati pelan tersebut.

Fiza Hafiz, 23, berpandangan pelan tersebut seolah-olah seperti satu nafas baharu buat negeri ini, dan inisiatif yang diambil oleh Ketua Menteri ini disifatkan sebagai tepat pada masanya.

Ujarnya, melalui 'booklet' Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 di laman sawang www.melaka.gov.my, setiap strategi yang dirancang dalam pelan itu adalah amat terperinci, membuatkannya tidak sabar untuk melihat Melaka maju dan makmur dalam tempoh 14 tahun ini.

"Sebagai anak muda, saya berbangga kerana tidak sangka pelan ini dirangka dengan begitu rapi oleh kerajaan negeri.

"Inilah masanya, sebagai rakyat Melaka, kita perlu bersama-sama menyumbang tenaga dan idea dengan kerajaan negeri jika kita mahu pelan ini dapat dijayakan dengan segera," katanya.



"Dengan adanya pelan tersebut, saya sendiri sebagai anak jati negeri ini amat berbangga kerana kerajaan negeri begitu menitikberatkan pembangunan bersifat jangka masa panjang dan sememangnya ia sewajarnya dilakukan."

Fazly Azali, 29,



"Sebagai seorang pengamal bidang kreatif digital, saya mengucapkan terima kasih buat Ketua Menteri (Sulaiman), kerana memahami akan pentingnya digital dalam sejagat dunia hari ini, dan langkah pelan ini adalah relevan demi pembangunan negeri tercinta ini."

Qayum Selamat, 32,



"Inilah masanya, sebagai rakyat Melaka, kita perlu bersama-sama menyumbang tenaga dan idea dengan kerajaan negeri jika kita mahu pelan ini dapat dijayakan dengan segera."

Fiza Hafiz, 23,



Settinggi-tinggi
Tahniah

ATAS PEMASYHURAN SEBAGAI
CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KEPADA

**TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA
(DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM**

S.M.N , S.P.S.M. , P.S.M. , S.P.D.K. , S.U.M.W. , D.G.S.M. , D.C.S.M. ,
D.M.S.M. , D.S.M. , P.B.M.

YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

SETULUS IKHLAS DARIPADA

**YB DATUK SERI DR. HASIM BIN HASAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA**

&

Seluruh Penjawat Awam Negeri Melaka



DUN Kuala Linggi bukan lagi daerah hulu

Penduduk bangga ada pelabuhan moden

Norizan Abdul Muhid

PROJEK naik taraf Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) apabila siap nanti, akan mengubah landskap persekitaran daerah dan memberi identiti baharu kepada keseluruhan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi.

Paling gembira dengan kehadiran mercu tanda baharu itu adalah penduduk Kuala Linggi sendiri yang sememangnya sekian lama dahagakan sebarang bentuk program pembangunan dilaksanakan di kawasan tersebut.

Bagi Moreh Arshad, 62, pelabuhan baharu atau KLIP itu nanti akan memberi identiti baharu kepada kawasan DUN tersebut, sekali gus menambah populariti DUN Kuala Linggi.

"Apabila sudah ada pelabuhan antarabangsa dan menjadi tumpuan kapal dagang asing, mereka singgah ke Kuala Linggi, ini sudah tentu menarik perhatian penduduk, bukan sahaja orang Melaka malah dari negeri-negeri lain."

"Sudah tentu keadaan ini akan menjadikan Kuala Linggi kawasan yang sibuk, namun itulah harga sebuah kemodenan, ia terpulang kepada kita untuk melihatnya dari sudut mana, sama ada baik ataupun negatif," katanya.

Projek naik taraf KLIP yang menelan belanja kira-kira RM15 bilion kini masih lagi dalam peringkat perincian sebelum dijangka memulakan kerja-kerja pembinaan suku pertama tahun ini, dijangka siap dalam tempoh masa lima hingga lapan tahun.

Ia meliputi kerja-kerja menambak laut seluas kira-kira 248 hektar dari lima batu nautika dari tanah besar oleh Linggi Base Sdn Bhd, selain membina tangki simpanan cecair, limbungan pemberaan kapal, limbungan fabrikasi komponen minyak dan gas serta dermaga untuk fasiliti himpitan kapal.

Selain itu menurut Mohd. Hidayat Borhan, 40, nama KLIP itu sendiri sudah sedia ada menimbulkan rasa gah dalam kalangan penduduk Linggi.

"Apa tidaknya, dulu Kuala Linggi macam pekan tinggal, sunyi sepi tiada apa-apa yang menarik, kalau mahu ke pusat membeli-belah terpaksa ke Bandar Melaka, tetapi tidak lama lagi, Kuala Linggi ada pelabuhan besar.

"Sudahlah pelabuhan, taraf antarabangsa pula dan jadi tumpuan pedagang dari merata dunia, sebagai penduduk kawasan ini saya merasa bertuah melihat sendiri sejarah Kesultanan Melayu Melaka berulang semula di mana Melaka menjadi tumpuan pedagang asing satu ketika dulu," ujarnya.

Bagaimanapun, Hidayat berharap projek tersebut tidak mendatangkan sebarang kesan negatif terutama kepada alam sekitar dan paling utama tidak menjelaskan aktiviti tangkapan ikan golongan nelayan yang berada di situ.

Sementara itu, rakannya, Rai Kushairi Mohamad, 45, kedudukan KLIP juga strategik iaitu bersempadan dengan kawasan tumpuan Port Dickson, Negeri Sembilan.

Kewujudan KLIP itu nanti, katanya, menambah produk pelancongan Kuala Linggi selain Kota Bukit Supai dan ikan terapung Fort Supai yang sedia ada.

"Mungkin selepas adanya pelabuhan baharu ini nanti, Kuala Linggi akan sesak dengan kendaraan maka pekan Kuala Sungai Baru dan sekitarnya tidaklah sunyi sangat pada waktu malam.

"Sebelum ini ada rakan yang pernah datang ke kawasan ini dan menyatakan tiada apa-apa kelainan, jadi saya harap apabila dia berkunjung semula ke Kuala Linggi lima atau lapan tahun lagi, dia mungkin akan terkejut sebab Kuala Linggi ada pelabuhan besar yang mana kapalnya datang dari China, Jepun atau Jerman," katanya.

Norizan Abdul Muhid

KEUDUDUKAN Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi yang agak hujung dari pusat bandar Melaka menjadikan daerah itu kurang popular dan agak terpencil dari arus pemodenan.

Namun sejak kebelakangan ini, nama Kuala Linggi kerap meniti di bibir perbualan rakyat Melaka apabila daerah itu bakal mempunyai mercu tanda baharu iaitu projek naik taraf Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM15 bilion.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Datuk Wira Ar Ismail Othman berkata, kedudukan Linggi yang strategik iaitu di tengah-tengah laluan pesisir laut Selat Melaka perlu dimanfaatkan sebagai destinasi perdagangan serta persinggahan kapal dagang dari serata dunia.

Menurutnya, apabila siap projek itu kelak, kira-kira 6,000 kapal dijangka singgah dan menggunakan fasiliti yang terdapat di KLIP antaranya mengisi minyak, ruang menyimpan dan menyelenggara kapal.

"Kemudahan baharu ini memberi impak yang besar kepada ekonomi negeri, sewajarnya kemudahan yang sedia ada dinaik taraf menjadi lebih baik pada masa depan.

"Atas sebab itu, kita tidak boleh ketinggalan dengan negara-negara jiran yang sudah lama menjana ekonomi mereka melalui pelabuhan dan oleh itu, sudah tiba masanya juga Melaka ada pelabuhan antarabangsa sendiri," katanya.

Kerja-kerja menaik taraf KLIP dijangka bermula suku pertama tahun ini dan mengambil masa lima hingga lapan tahun untuk siap.

Ia meliputi kerja-kerja menambak laut seluas kira-kira 248 hektar dari lima batu nautika

Info DUN Kuala Linggi

Jumlah Penduduk - 14,631

Jumlah pengundi - 10,989

Jumlah Keluasan - 7,753.1013 Hektar

KAWASAN PERUMAHAN

1. JPKK : 12
2. JPKKB : 2
3. Kampung : 17
4. Taman: 17

KESIHATAN

1. Pusat Kesihatan Kerajaan - 3
2. Pusat Kesihatan Swasta - 3

EKONOMI

1. Kawasan Pelancongan - 1
2. IKS - 0
3. Pekan Kecil 1

RUMAH IBADAH

1. Masjid - 10
2. Surau - 20
3. Jumlah Tokong - 2
4. Jumlah Kuil - 1

PENDIDIKAN

1. Tadika - 15
2. Tadika Jaim - 1
3. SRA Jaim - 7
4. Sekolah Rendah - 2
5. Sekolah Menengah - 1
6. IPT Awam/ Swasta - 1

Biodata ADUN Kuala Linggi

Nama : Datuk Wira Ar. Ismail Othman

Tarikh Lahir : 13 September 1955

Tempat Lahir : Melaka

Isteri : Datin Wira Juniti Ahmad

Anak : Izreen Juliana
Dr Iza Sharina
Muhammad Izwan
Syahirah
Siti Nur Aisyah

Pendidikan Awal :


Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Tengah
Sekolah Menengah
Kebangsaan (SMK)
Masjid Tanah

Pendidikan Tinggi :

Diploma in Architecture (UTM) Advance
Diploma in Architecture (ITM)

Pengalaman Kerjaya :

- Ahli Pertubuhan Arkitek Malaysia
- Pengarah Urusan Kumpulan Arkitek Ismail Othman Sdn Bhd (1990-2013)



PELABUHAN Kuala Linggi dan jeti milik Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bakal dinaik taraf menjadi KLIP di Kuala Linggi sekali gus menjadikan perairan Melaka Barat sebagai hab perdagangan serantau.



'Musang King' ancam Empangan Durian Tunggal

Mohamad Fazrul Abdul Majid

DURIAN TUNGGAL – Kerajaan negeri memandang serius isu pencerobohan tanah di kawasan Empangan Durian Tunggal yang berlaran dari 2014 hingga kini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, hasil lawatannya ke empangan berkenaan, hari ini mendapati masih ada penceroboh mengusahakan tanah rizab empangan bagi tujuan pertanian.

Jelasnya, tanah rizab seluas 31.33 hektar di sekitar empangan didapati telah ditanam pelbagai jenis tanaman kontan termasuklah durian 'Musang King', kelapa sawit, buah naga, sireh, kelapa, tanaman sayur-sayuran, pisang dan jambu.

"Selain itu, terdapat juga struktur bangunan kekal dibina di atas tanah rizab empangan yang masih digunakan sebagai rumah penginapan, rumah pekerja asing, rumah pam air, chalet dan lain-lain.

"Untuk makluman, jumlah keluasan tanah rizab empangan yang telah diceroboh adalah sekitar 188.73 hektar.

Kerajaan Negeri Melaka telah mula mengeluarkan penceroboh di tanah rizab empangan mulai 2014. Hasil pemantauan menda-

pati 75 peratus penceroboh telah mengosongkan kawasan rizab setelah diberikan notis pengosongan tapak oleh Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Alor Gajah, namun ada lagi yang masih berdegil," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mengadakan lawatan kerja ke Empangan Durian Tunggal, di sini, pada 9 Mac lepas.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Datuk Salhah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) Abd Rashid Ab Rahman dan Pengarah BKSA Melaka Faizah Abd Rahman.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, aktiviti tanaman kontan dan jangka panjang di sepanjang rizab empangan menjadi faktor utama menyumbang kepada penyusutan air di empangan dan penurunan kualiti air mentah yang digunakan untuk lima loji utama di Negeri Melaka.

Jelasnya, berdasarkan kepada Kajian Bathymetric yang dijalankan di Empangan Durian Tunggal pada 2016, Melaka telah kehilangan air sebanyak 32.5 peratus berbanding kapasiti semasa pembinaan.

SULAIMAN (tiga kiri) ketika meninjau operasi 'portable water treatment plant' atau loji rawatan air mudah alih yang disumbangkan NADMA.

Justeru, ujarnya, kerajaan negeri melalui BKSA dan PDT Alor Gajah serta Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Negara (CGSO) sedang mengatur strategi untuk mengeluarkan semua penceroboh di tanah rizab empangan sebagai langkah memastikan keselamatan kawasan tadahan dan tanah kerajaan tidak diceroboh.

"Empangan Durian Tunggal telah diisyiharkan sebagai kawasan larangan dan tempat larangan di bawah Seksyen 4 Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 melalui Perintah Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan (No.7) 2011.

"Oleh yang demikian, tindakan undang-undang akan diambil kepada penceroboh yang masih ingkar agar menjadi pengajaran kepada yang lain.

"Kerajaan negeri juga akan melaksanakan Kerja-kerja pembersihan tapak tanaman dan perobohan struktur bangunan kekal di atas tanah rizab secara berperingkat selain turut menjalankan kerja-kerja pemasangan pagar di sekitar empangan sepanjang 12.1km,"

Rentas pelancongan antara negeri PKPP Dibenarkan tetapi bersyarat

Liana Sahabudin

KUALA LUMPUR – Kerajaan membenarkan pergerakan pelancongan dari negeri Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ke negeri PKPP yang lain bermula 10 Mac lalu, dengan syarat ditetapkan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri berkata, syaranya ialah perlu menggunakan syarikat agensi pelancongan berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan pergerakan hanya menggunakan kendaraan pelancongan yang berdaftar dengan kementerian itu.

Beliau menegaskan pergerakan menggunakan kendaraan persendirian masih tidak dibenarkan.

"Syarikat agensi pelancongan perlu mendapat kebenaran daripada Polis Di-

raja Malaysia (PDRM) untuk pergerakan rentas negeri dan perjalanan mestilah terus ke kawasan PKPP.

"Ini ada dua keadaan satu negeri PKPP ke PKPP, sebagai contoh (pelancong) Pahang PKPP dan Terengganu PKPP. Jadi pergerakan terus ke negeri PKPP," katanya dalam sidang media harian mengenai perkembangan PKPP dan PKPP pada 9 Mac lepas.

Ismail Sabri berkata, jika perjalanan itu terpaksa melalui negeri PKP Bersyarat (PKPB), maka hanya dibenarkan terus ke PKPP.

"Kenderaan ini mesti meneruskan perjalanan terus ke kawasan PKPP tanpa berhenti di PKPB.

"Jadi sebab itulah kenderaan persendirian masih tidak dibenarkan kerana kita mendapat nasihat daripada PDRM agak sukar dari segi kawalan," katanya.



Kehadiran pelancong merosot 83.4 peratus

Farah Suhaidah Othman

KUALA LUMPUR – Jumlah kehadiran pelancong antarabangsa tahun lalu merosot kepada 4,332,722 orang berbanding 26,100,784 pada 2019 berikut pintu sempadan negara ditutup akibat pandemik COVID-19.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, berdasarkan data dikeluarkan Pertubuhan Pelancongan Dunia (UNWTO), industri pelancongan di seluruh dunia mengalami tahun terburuk dengan rekod kedatangan antarabangsa secara puratanya menurun 74 peratus tahun lalu.

Katanya, Malaysia menyaksikan penurunan yang amat ketara dengan jumlah kedatangan pelancong menjunam kepada 4.3 juta pada 2020 berbanding 26.1 pada 2019.

"Ini mengakibatkan kemerosotan sebanyak 83.4 peratus berbanding tahun terdahulu.

"Ia sekali gus menyebabkan hasil penerimaan pelancong (tourism receipts) menerusi sektor itu merosot 85.3 peratus dari RM86.1 bilion pada 2019 kepada RM12.67 bilion pada 2020.

"Dengan purata perbelanjaan per kapita menurun 11.3 peratus, iaitu RM2,928.40 diperolehi pada tahun ini berbanding RM3,300.40 pada 2019," katanya ketika berucap menerusi panggilan video dari Kuching merasmikan Bursa Pelancongan Antarabangsa (ITB) Berlin NOW 2021 di Hotel Grand Hyat di sini, hari ini.

Persidangan berkenaan turut disertai 30 organisasi melibatkan 10 pemain industri, 10 pengusaha hotel dan resort, tujuh jabatan pelancongan negeri dan tiga per-satuan pelancongan.

Nancy berkata, memandangkan pintu sempadan antarabangsa masih ditutup, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) merangka pelbagai inisiatif termasuk mengintai peluang menerusi gelembung perjalanan dengan negara Asia Tenggara termasuk Indonesia.

"Industri pelancongan Malaysia kini fokus untuk memaksimumkan sumber pelancongan menerusi ekopelancongan pedalaman serta mempelbagaikan produk pelancongan."

"Kita juga berusaha untuk mengembangkan pakej pelancongan yang bersesuaian bagi menghidupkan kembali pelancongan apabila pintu sempadan mula dibuka semula," katanya.

Rizanizam Abdul Hamid

SERI NEGERI – Penceroboh tanah rizab kerajaan di dua empangan di negeri ini akan diberikan notis terakhir untuk mengosongkan tanah berkenaan sebelum 1 April ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, selepas tarikh itu, kerajaan akan meneruskan proses tindakan undang-undang kepada baki 25 peratus lagi penceroboh yang masih berdegil di Empangan Durian Tunggal, Alor Gajah dan Empangan Jus, Jasin.

"Kita amat memandang serius pencerobohan ini dan kerajaan negeri akan memberikan notis terakhir pengosongan kepada mereka sebelum 1 April ini."

"Adakah kita akan beri mereka pampasan? Kalau tanah kita diceroboh, adakah kita akan beri pampasan? Jadi persoalan itu tidak sepaututnya timbul," katanya pada sidang media khas di sini, hari ini susulan keputusan mesyuarat EXCO baru-baru ini.

Tambahnya, empangan di Melaka telah diisyiharkan sebagai Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan di bawah Seksyen 4 Akta Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan 1959 melalui Perintah Kawasan Larangan Dan Tempat



Ceroboh empangan Notis akhir pengosongan sebelum 1 April – Sulaiman

SULAIMAN ketika meninjau kawasan sekitar Empangan Durian Tunggal dengan menaiki bot dalam sesi lawatan kerjanya ke empangan tersebut pada 9 Mac lepas dan beliau mendapati masih ada penceroboh mengusahakan tanah rizab empangan bagi tujuan pertanian.

Larangan (No.7) 2011 bagi Empangan Durian Tunggal dan Perintah Kawasan Larangan Dan Tempat Larangan (No.5) 2010 bagi Empangan Jus.

"Sekiranya penceroboh masih berdegil, kerajaan negeri akan

mengeluarkan penceroboh – penceroboh ini dengan menguatkuasakan Notis 425 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

"Notis itu antaranya menyatakan mana-mana orang yang tanpa kebenaran yang sah menduduki atau

membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau perlombongan jika disabitkan kesalahan dikenakan denda maksimum RM10,000 atau penjara untuk maksimum satu tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Pencerobohan itu jelas beliau, melibatkan tanah rizab empangan seluas 188.73 hektar yang turut dijadikan tapak rumah penginapan, pekerja asing, pam air dan chalet bagi kegunaan pertanian haram itu.

Program Agropreneur Muda Rekod 95 peratus usahaawan aktif

Liana Sahabudin

MERLIMAU – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merekodkan 95 peratus usahawan di bawah program agropreneur muda masih aktif di seluruh negara setakat ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sejak diperkenalkan pada 2016, pendapatan kesemua usahawan yang aktif itu menunjukkan peningkatan melebihi RM5,000 sebulan.

Katanya, baki lima peratus usahawan yang tidak lagi aktif berikutnya terdapat kekangan termasuk beralih bidang.

"Program agropreneur muda bukan sahaja terhad kepada sektor pertanian, malah merangkumi sektor perikanan, ternakan dan industri makanan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Lawatan Kerja Agropreneur Muda di Seri Chendana Resort, pada 9 Mac lepas.

Dalam pada itu, Ahmad menyarankan supaya lebih ramai golongan muda mengemukakan permohonan bagi mendapatkan Geran Agropreneur Muda (GAM).

"Di Melaka sepanjang tahun 2020, sejumlah RM1.15 juta GAM telah diluluskan meliputi seramai 60 usahawan.

"Daripada jumlah itu untuk Parlimen Jasin sahaja, ada 26 usahawan yang menerima GAM pada hari ini (9 Mac)," katanya lagi.

Hadir sama Pengurus Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur Negeri, Datuk Roslan Ahmad merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau dan Pengarah Unit Agropreneur Muda MAFI, Mohammad Ezri Sham-suddin.

Melaka sedia batal KLIP jika tidak patuhi EIA

MELAKA sedia membatalkan Projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM15 bilion di Kuala Linggi sekiranya ianya tidak mematuhi syarat pelaksanaan khususnya laporan Kajian Penilaian

Impak Alam Sekitar (EIA).

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, ia adalah keputusan lazim dilakukan terhadap mana-mana projek pembangunan tambak laut di negeri ini yang perlu mematuhi



SULAIMAN...Kerajaan Melaka sedia membatalkan Projek KLIP di Kuala Linggi sekiranya ianya tidak mematuhi syarat pelaksanaan khususnya laporan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

“KLIP perlu mematuhi EIA sekaligus memastikan projek bernilai RM15 bilion itu tidak mendatangkan masalah kepada Negeri Sembilan pada masa akan datang.”

EIA yang bukan sahaja terpakai kepada KLIP.

"Kalau (KLIP) tak patuhi semua (laporan EIA) kita akan batalkan. Semua pembangunan tambak laut mesti melepas EIA dan bukan di KLIP sahaja."

"KLIP ini (perancangan) sudah lebih lima tahun dan kalau ia patuhi semua syarat ditetapkan, sudah lama ia berdiri tegak (di-bangunkan)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pandangan Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun pada 10 Mac lepas yang dilaporkan berkata, KLIP perlu mematuhi EIA sekaligus memastikan projek bernilai RM15 bilion itu tidak mendatangkan masalah kepada Negeri Sembilan pada masa akan datang.

Aminuddin berkata, kerajaan negeri (Negeri Sembilan) akan membantah dan tidak berkompromi mengenai pembangunan tersebut sekiranya ia memberi kesan buruk kepada nelayan serta hakisan tanah di kawasan Negeri Sembilan.

Beliau bagaimanapun yakin Kerajaan Melaka akan melihat faktor itu selain mengambil kira laporan EIA selain berharap nelayan berdekatan dengan projek juga diberi perhatian walaupun berada di bawah Negeri Sembilan.

Jualan jeruk mangga

Mampu raih lebih RM600,000 sebulan!



KELIHATAN pemandu kereta yang berhenti ketika lampu isyarat merah membeli produk jeruk mangga yang dijual.

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH - Siapa sangka, jualan jeruk mangga di lampu isyarat yang semakin menjadi trend hari ini sebenarnya mampu memberi hasil jualan yang cukup lumayan sehingga lebih RM600,000 sebulan.

Perkiraan itu, berdasarkan pengakuan pembekal buah di dalam botol itu yang mampu menjual 15,000 botol seminggu dengan harga jualan sebotol RM10.

Jika dihitung, ini bermakna pengusaha ini mampu meraih pendapatan sehingga

RM150,000 seminggu atau lebih RM600,000 sebulan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Datuk Shadan Othman berkata, perkara itu didehdakan sendiri beberapa pengusaha yang ditemuiinya ketika mengadakan perbincangan mengenai cara jualan berkenaan.

"Sebelum ini, kita pernah mengadakan pertemuan bersama lima pengusaha jeruk mangga di pejabat MPHTJ bagi membincangkan mengenai penyelesaian lokasi jualan makanan itu.

"Kita mencadangkan supaya penjual jeruk berkenaan membuka gerai jualan di kawasan bersesuaian termasuk di parkir kereta pasar raya atau di tepi jalan yang lebih selamat.

"Bagaimanapun, rata-ratanya tidak bersetuju kerana mereka memaklumkan anggaran purata jualan yang boleh diperolehi mencecah sehingga 15,000 botol setiap minggu," katanya ketika dihubungi di Melaka Hari Ini (MHI), di sini.

Katanya, kebanyakan pengusaha yang ditemui menghansikan jeruk mangga dari luar negeri Melaka dan mendakwa

7,000 botol dalam tempoh seminggu

MESKIPUN kaedah jualan jeruk mangga dilihat mengundang nyawa kerana memilih lokasi di persimpangan lampu isyarat, namun hasil yang diperolehi berbaloi sehingga mampu mencecah sehingga 7,000 botol dalam tempoh seminggu.

Itu diakui pengusaha jeruk mangga, Mohd Alif Azaz, 33 yang menjalankan perniagaan itu sejak empat tahun lalu bermula di Terengganu sebelum meluaskan jualan itu ke negeri ini dan Pahang.

Katanya, bagi memastikan buah mangga itu sentiasa segar apabila dibeli pelanggan, dia akan berulang-alik dua hari sekali dari Melaka ke Terengganu bagi mengambil stok buah itu.

"Kita tidak menggunakan bahan pengawet jadi kesegaran buah hanya bertahan dalam lima hingga ke enam hari namun kita tidak mahu menyimpan lama.

"Alhamdulillah, dari segi jualan kita mampu mencecah sekurang-kurangnya 500 botol dan mampu mencecah hingga 1,000 botol sehari," katanya ketika dihubungi di sini.

Mohd Alif yang mempunyai lebih 30 orang pekerja termasuk 15 pekerja jualan berrusia antara 20 hingga 27 tahun di negeri ini berkata, kebanyakan pekerjanya yang membuat jualan di lapangan tidak mempunyai sijil dan terdiri daripada orang kurang upaya (OKU).

Jelasnya, bagi membantu anak muda yang terjejas dengan kesempitan hidup akibat pandemik COVID-19, dia mengambil inisiatif

untuk membantu golongan itu dengan menjana pendapatan melalui jualan mangga di persimpangan lampu isyarat di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

"Orang-orang sebegini kalau kita tidak ambil bekerja dan tidak bantu mereka, mereka akan melakukan kegiatan jenayah seperti mencuri atau mengambil dadah terutama dalam keadaan ekonomi tidak menentu, hendak cari kerja pun susah.

"Salah seorang pekerja saya OKU, jadi saya ambil bekerja dan sama-sama membantunya menjana pendapatan malah saya berikan semua pekerja saya tempat tinggal serta kemudahan pengangkutan supaya saya pantau pergerakan mereka.

"Malah, ketika mereka bekerja saya tidak membenarkan mereka menggunakan telefon mahupun mendengar lagu kerana dibimbangi mengundang ancaman jalan raya seperti tidak mendengar hon kenderaan dan sebagainya," katanya.

haknya belum mengeluarkan sebarang notis mahupun kompaun terhadap penjual jeruk mangga yang dikesan menjual di kawasan MPJ.

"Bagaimanapun, kita memberi teguran serta nasihat supaya mereka menjaga kebersihan dan keselamatan," katanya.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Mohd Fadhil Hassan turut memaklumkan pihaknya belum mengeluarkan sebarang notis kepada penjual berkenaan di kawasan pentadbiran PBT itu.

Tiada laporan undang bahaya tetapi...

TIADA laporan polis diterima berhubung tindakan penjual jeruk mangga yang disifatkan mengundang bahaya dalam kawangan pengguna jalan raya.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguasaan Trafik (JSPT) Melaka, Superintendant Hasan Basri Yahya berkata, setakat ini belum ada mana-mana pihak yang tampil membuat laporan mengenai penjual jeruk mangga yang dikhuatiri membahayakan nyawa pengguna jalan raya.

"Bagaimanapun, saya mengingatkan bahawa menjadi kesalahan jika sebarang

aktiviti jual beli makanan yang mengganggu lalu-lintas hingga membahayakan pengguna jalan raya, si pelakunya boleh dikenakan saran.

"Bukan sahaja kepada penjual malah kepada pembeli yang boleh dikenakan saran mengikut mengikut Kaedah 10A LN 166/59," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Sementara itu tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) di beberapa persimpangan lampu isyarat di Lebuhraya Alor Gajah-Melaka-Jasin (AMJ) mendapati penjual mangga menjual makanan itu dengan be-

hati-hati.

Tinjauan sama dilakukan di sepanjang Lebuh Ayer Keroh yang mendapati kebanyakan mereka hanya menjual apabila dipanggil pengguna jalan raya ketika lampu isyarat bertukar merah.

Seorang penjual jeruk mangga yang hanya mahu dikenali sebagai Aiman berkata, dia akan memastikan hanya menjual pada ketika lampu isyarat merah.

"Jadi, sepanjang lampu isyarat bertukar hijau, saya akan berdiri di tengah-tengah pembahagi jalan," katanya.



HASAN Basri

MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondalm@me1987@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76riduwan@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
mazren86@gmail.com

PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT
AHMAD ZUHAIR
UMARAH SAMSER
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
zul.rahimi@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGILAKAN
NAQIB TAJUDIN
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
Izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDIR
Khalidah@melakaharlini.my

MELAKATV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashalayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishakal.zakaria@melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZALANI
aufalizzat@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my

‘Vaksin ibarat perisai diri’

Farah Suhaidah Othman

SUNGAI UDANG – “Apa yang penting adalah mempersiapkan mental kita untuk menerima vaksin dan dari segi kesan selepas disuntik amat minimum.”

Itu kata-kata galakan Panglima 3 Divisyen (3 Div), Mejor Jeneral Datuk Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim yang memberi keyakinan bahawa vaksin COVID-19 adalah selamat diambil bagi mencegah penularan pandemik COVID-19.

Menurutnya, beliau tidak mengalami simptom demam selepas menerima vaksin itu malah sempat bersukan pada petang selepas menerima suntikan itu, semalam.

“(Berdasarkan) tahap kecerdasan tentera yang tinggi itu saya yakin kesan diperolehi amat minim, jadi jangan takut untuk mengambil vaksin itu demi kebaikan diri sendiri dan keluarga serta organisasi,” katanya.

Beliau ditemui pada Program Imunisasi Kebangsaan COVID-19 peringkat Kem Terendak, di sini, pada 9 Mac lepas yang membabit-

kan 66 pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sementara itu, Panglima 10 Briged (Para), Brigadier Jeneral Khairul Azmizal Ahmad Natal yang menerima suntikan hari berkata, prosedur pemvaksinan COVID-19 adalah prosedur biasa sebagaimana diterima semua rakyat dalam program imunisasi wajib sejak kecil.

“Secara dalamannya, proses itu lebih selamat dan dilindungi,” katanya.

Bagi Pegawai Memerintah Regimen Semboyan Divisyen Ketiga Infantri, Kolonel Nik Nahar Nik Mohd Isa, vaksin COVID-19 ibarat ‘baju besi’ yang dibekalkan kepada anggota tentera.

“Vaksin COVID-19 ibarat baju besi yang dibekalkan kepada anggota tentera, tanpa baju besi ini um-pama tiada perisai untuk melindungi diri,” katanya.

Dalam pada itu, Pegawai Gerakan Peperangan Informasi 3 Regimen Semboyan Diraja, Leftenan Kolonel Sazlina Sudin berkata, keyakinan yang ada dalam dirinya membuatkan dia rasa selamat dan tenang untuk menerima suntikan

vaksin berkenaan.

“Jangan risau, sekiranya seorang itu sihat tubuh badan dan tiada alahan, Insya-Allah segalanya selamat.

“Yang penting, yakin dan anggap vaksin ini sebagai perisai untuk melawan penyakit itu selain membantu kerajaan menangani masalah COVID-19,” katanya.

**TENGKU
Muhammad
Fauzi**



KHAIRUL AZMIZAL ketika menerima suntikan vaksin COVID-19. Foto MR. Azli

Taman Seri Mangga Sek - 1



RUMAH TERES SETINGKAT

22' x 70'

(4 bilik tidur, 2 bilik air)

HARGA JUALAN
Min RM336,400.00
(bermula dari)



GROUND FLOOR PLAN CORNER LOT



Pemaju

Tiong Yuen Development Sdn Bhd
No. 37-Grd Flr, Jalan Kesidang 3/11,
Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak,
75300 Melaka.



No. Telefon
06-3371389 (Pejabat)
011-35042516 (TINI)
012-2196788 (Peggy Lim)

中原發展有限公司

TIONG YUEN DEVELOPMENT SDN. BHD.
(Co. No: 149022-W)

No. 37, Jalan Kesidang 3/11, Melaka Mall, Off Jalan Tun Perak, 75300 Melaka
Tel: 06-337 1389 Fax: 06-337 3855
Email Address: tydevelopment@yahoo.com





MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Dalami naluri saudara muslim

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Saudara muslim dalam kalangan masyarakat orang asal di negeri ini perlu diberi tumpuan bagi memberi ruang kepada mereka mengenali diri mereka yang telah menjalani kehidupan sebagai seorang muslim.

Kejanggalan mereka dalam mendalamai ilmu asas fardhu ain perlu diberi perhatian sepenuhnya dalam usaha membimbang mereka menjadi saudara muslim yang kekal istiqamah berakidah syariat Islam.

Bahagian Balai Islam MAIM komited membantu mereka khususnya masyarakat orang asal yang memerlukan bantuan dari segi kerohanian terutama mereka masih lagi dalam proses mengenali Islam dengan lebih mendalam.

Program dakwah di setiap perkampungan orang asal yang diada-

kan setiap minggu memungkinkan kepada mereka untuk mendapatkan lebihan ilmu fardhu ain yang menjadi tunjang pengislaman mereka.

Menyantuni mereka dengan lebih kerap mampu memberikan mereka keselesaan dalam usaha mereka mengenali Islam serta menghapus pandangan serong bahawa Islam ini bukanlah rumit namun amat indah untuk diamalkan.

Dalam keadaan negara masih dilanda penularan pandemik Covid-19, menjadi tanggungjawab MAIM untuk memastikan setiap kebajikan saudara muslim sentiasa dipelihara demi kelangsungan hidup mereka.

Bukan sahaja intipati kerohanian dititikberatkan namun kebajikan berbentuk bantuan makanan dan wang tunai antara yang sentiasa diberi perhatian sebaiknya.

Pendidikan anak-anak turut diberi perhatian sepenuhnya bagi memastikan mereka mengikuti alam

|| Menyantuni mereka dengan lebih kerap mampu memberikan mereka keselesaan dalam usaha mereka mengenali Islam serta menghapus pandangan serong bahawa Islam ini bukanlah rumit namun amat indah untuk diamalkan. ||



PEGAWAI Balai Islam MAIM menyantuni penduduk orang asal di Kampung Orang Asli Tebong, Jasin

persekolahan demi masa depan yang lebih baik.

Mendapat kepercayaan masyarakat orang asal memang satu tugas yang sukar namun penumpuan kebajikan sedikit sebanyak mampu memperoleh keyakinan mereka untuk bersama-sama mendalami syariat Islam dengan lebih berkesan.



SURAU turut disediakan demi kelangsungan khidmat dakwah.

HARTA LUQATAH

LUQATAH

Dari segi bahasa, luqatah ialah sesuatu yang ditemui di tanah. Menurut Syarak pula ialah harta yang ditemui di sesuatu kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga dan penemu tidak mengenali pemiliknya.

PERKHIDMATAN HARTA LUQATAH YANG DISEDIAKAN OLEH MAIM

1. Menerima Harta Luqatah (harta yang dijumpai) oleh orang awam.
2. Membuat hebatan kepada orang ramai berkaitan dengan Harta Luqatah selama SETAHUN.
3. Membuat proses pelupusan Harta Luqatah yang tamat hebatan selama 1 tahun sama ada melalui kaedah sebutharga, lelongan, tender atau dimusnahkan.

PROSEDUR PENYERAHAN HARTA LUQATAH KEPADA MAIM

1. Penemu hendaklah menyerahkan harta yang dijumpai ke MAIM.
2. Penemu perlu mengisi Borang Serahan Harta Luqatah dan menyerahkan barang Luqatah tersebut kepada pegawai bertanggungjawab.
3. Pihak MAIM akan membuat hebatan di masjid-masjid dan premis awam berhampiran harta berkenaan ditemui.

Website: www.maim.gov.my Email: admin@maim.gov.my

DALIL HUKUM LUQATAH
Tidak halal harta luqatah, sesiapa yang menjumpai sesuatu harta maka hendaklah ia sebaiknya selama setahun



TIMBALAN Pengurus Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Datuk Md Rawi Mahmud mengetuai bacaan Ikrar Basmi Rasuah (IBR) yang telah diadakan di Pusat Islam Melaka baru-baru ini. Program bacaan ikrar berkenaan diadakan bagi membuktikan komitmen pegawai MAIM dan Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMN) melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan penuh amanah dan integriti serta jauh dari gejala rasuah.



SKUAD Agihan Zakat (SAZ) MAIM cawangan Jasin diketuai Pegawai Agihan Zakat (PAZ), Norazam Ismail menyampaikan sumbangan wang tunai dan katil kesihatan kepada asnaf yang memerlukan di sekitar daerah berkenaan.



PEGAWAI Agihan Zakat Cawangan Masjid Tanah, Mazfazil Ismail bersama Skuad Agihan Zakat (SAZ) MAIM menyantuni asnaf di DUN Kuala Linggi dan menyampaikan sumbangan wang tunai kepada asnaf yang memerlukan.

CALL & TAKE

Hubungi Kami Di Talian:
1-300-88-0233

Kami SEDIA Ke Premis Anda Untuk
KIRA & LUNAS ZAKAT

atau sila layari:
izakat.com
Untuk Pembayaran Secara Atas Talian

Zakat Melaka akan mengambil langkah pencegahan seperti disarankan Majlis Keselamatan Negara bagi memastikan keselamatan pelanggan dan warga kerja Zakat melaka terjamin dalam usaha mencegah penularan wabak Covid-19

1-300-88-0233 www.izakat.com [Zakat Melaka](#) [zakat.melaka](#) [Zakat Melaka](#)

Simpanan yang menguntungkan



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

PENYIMPANAN wang untuk masa hadapan adalah amat penting untuk setiap individu. Perkara ini boleh dimulakan pada usia muda supaya lebih senang dan lebih banyak yang dapat disimpan.

Semenjak pandemik COVID-19 menular seluruh dunia, ramai yang terkesan akibat wabak penyakit ini termasuk hilangnya pekerjaan, hilangnya sumber pendapatan, perniagaan terpaksa ditutup terus selain dibuang kerja oleh majikan.

Oleh yang demikian, bagi membantu mengurangi bebanan kewangan golongan yang terkesan, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai bantuan antaranya Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan kemudahan pengeluaran wang daripada program i-Lestari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui akaun 2 yang membolehkan pencarum memilih untuk mengeluarkan RM500 sebulan selama 12 bulan.

Selain daripada itu, baru-baru ini kerajaan memperkenalkan pengeluaran i-Sinar KWSP melalui akaun 1 dengan jumlah pengeluaran minimum RM10,000 ke RM60,000 tanpa syarat pengeluaran.

Pengeluaran i-Sinar dan i-Lestari wajib zakat ke?

Kalau wajib berapa jumlah yang perlu dikeluarkan?

Bukan ke setiap simpanan perlu tunggu haul setahun baru kena zakat?

Pelbagai persoalan dikalangan masyarakat tentang pengeluaran KWSP ini. Berdasarkan keputusan mesyuarat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-5 dan kali ke-74 yang menyatakan pandangan hukum seperti berikut:

1. Wang simpanan KWSP wajib dikeluarkan bagi pekerja-pekerja Islam sebagai zakat bila cukup haulnya iaitu setahun setelah penerimaannya.
2. Pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus selepas menerima wang KWSP jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun.

Manakala, menurut pandangan Jawatankuasa Penasihat Shariah (JKPS) KWSP berkenaan pengeluaran i-Sinar dan i-Lestari iaitu ada 2 situasi:

- i. Tidak Diwajibkan : Jika dikeluarkan untuk kelangsungan hidup diri sendiri dan tanggungannya dalam menampung keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan (hajah asliyah).
- ii. Wajib : Jika tujuan dikeluarkan selain menampung keperluan asas diri sendiri dan tanggungannya (bukan

hajah asliyah), kadar yg diwajibkan zakat adalah 2.5% sekiranya mencapai nisab tanpa perlu menunggu haul setahun.

Ibadah zakat yang ditunaikan tidak kiralah simpanan, pendapatan, perniagaan, emas & perak, saham, ternakan dan pertanian mahupun zakat fitrah ianya adalah harta yang perlu dikembalikan kepada hak asnaf sebanyak 2.5%. Harta yang dimiliki adalah bersifat sementara, tetapi harta kekal abadi adalah milikan mutlak daripada Allah SWT. Apabila seseorang individu itu menginfakkan hartanya ke jalan Allah SWT, maka Allah SWT akan gandakan keuntungan ganjaran pahala kepada mereka. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat

265: Yang bermaksud: "Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan keteguhanjiwa mereka seperti kebumi yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh air hujan maka kebumi itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya maka hujan gerimis pun memadai. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu perbuat."

Sebarang pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut. Zakat

"Bersih Jiwa Suci Harta".

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

Jenis-Jenis PENGELOUARAN KWSP

- Skim Pengeluaran Membina/Membeli Rumah
- Skim Pengeluaran Mengurangkan/ Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan
- Skim Pengeluaran Pendidikan
- Skim Pengeluaran Kesihatan
- Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen (SPPB)
- Skim Pengeluaran Persaraan Pilihan (SPP)
- Skim Pengeluaran Mencapai Umur 50 tahun & 55 Tahun
- Skim Pengeluaran Hilang Upaya
- Skim Pengeluaran Meninggalkan Negara
- Skim Pengeluaran Kematian

Contoh Kiraan ZAKAT KWSP

Tahun / Haul	20XX
Amaun Nisab	XXXX
Maklumat KWSP	
Jumlah Pengeluaran	RM 50,000.00
Jumlah Zakat KWSP	
Jumlah Layak Dizakat	RM 50,000.00
Jumlah Zakat	RM 1,250.00

"Pastikan Hari Tua Anda Tenang Tanpa Hutang Ibadah"

Persoalan
ZAKAT
KE ATAS PENGELOUARAN
KWSP MELALUI

SKIM i-LESTARI & i-SINAR

Pengeluaran i-Sinar & i-Lestari wajib zakat atau tidak?
Ada 2 kategori iaitu:

1 Pengeluaran itu benar-benar terdesak dan perlu untuk kelangsungan hidup, maka lantaran **TIDAK WAJIB BERZAKAT**.

2 Pengeluaran itu bukan kerana keperluan yang mendesak iaitu lantaran masih ada pendapatan lain atau ada lebihan pendapatan maka lantaran **WAJIB BERZAKAT**.



ZAKAT MELAKA
"Bersih Jiwa Suci Harta"

Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com





UNIT Wakaf MAIM
meninjau tapak lokasi cadangan perwakafan tanah perkuburan Islam bagi penduduk Kampung Kemuning, Alor Gajah.



PEMANTAUAN
berkala oleh Unit Wakaf dan Teknikal MAIM ke beberapa premis dan bangunan milik MAIM di sekitar negeri ini. Kedudukan yang strategik di lokasi bandar pelancongan mampu memberi kelebihan tambahan kepada MAIM untuk memanfaat premis berkenaan demi maslahat ummah negeri ini.



PERBINCANGAN bersama ahli jawatankuasa Surau Al-Huda Seri Pengkalan dan wakil Masjid Jamek Pengkalan berkaitan cadangan pembelian tambahan tanah perkuburan Islam di atas lot 1033, Mukim Kelemak dalam daerah Alor Gajah. Hadir sama Sekutu Seksyen Wakaf MAIM, Joriza Jauhari.

PERKHIDMATAN BAYARAN SECARA "ONLINE"

WAKAF TUNAI

- Wakaf Perubatan
- Wakaf Pendidikan
- Wakaf Pembangunan
- Wakaf Masjid, Surau dan Madrasah

FIDYAH

- Denda yang dikenakan ke atas orang Islam yang meninggalkan puasa wajib atas sebab-sebab tertentu @ melewati puasa ganti (qada') pada bulan Ramadhan
- Hukumnya WAJIB disempurnakan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan

Layari laman sesawang
<https://ebayar.melaka.gov.my>

FPX Online Banking Payments

JOM BERWAKAF
“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”

Apabila *matinya anak Adam*, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-

<https://www.iwakaf.maim.gov.my/>

Rugi RM150,000 terpajak kebun durian ‘palsu’

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Seorang pekebun dari Jementah Segamat, Johor rugi RM150,000 apabila terpedaya dengan tawaran untuk memajak sebuah kebun durian seluas 2.63 hektar di Tiang Dua, Ayer Molek.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Melaka Superintendant E Sundra Rajan berkata, mangsa melihat tawaran berkenaan di media sosial pada Oktober tahun lalu dan telah dibawa melihat kawasan tanah oleh seorang suspek sebelum bersetuju untuk memajak kebun berkenaan selama lima tahun dengan nilai pajakan berjumlah RM150,000.

Menurutnya, mangsa kemudiannya telah dibawa ke Pejabat Pesuruhjaya Sumpah di Jalan Panjang, Melaka untuk menandatangi surat perjanjian dan telah membuat

- Menyedari telah ditipu, mangsa telah membuat laporan polis di Balai Polis Banda Hilir, pada 10 Mac lepas.

bayaran secara tunai kepada suspek.

Bagaimanapun, ujarnya, 9 Mac lepas, mangsa telah dihubungi abangnya yang tinggal di Melaka memaklumkan bahawa dia telah ditipu daripada pajakan tanah terbabit yang sebenarnya milik orang lain.

“Menyedari telah ditipu, mangsa telah membuat laporan polis di Balai Polis Banda Hilir, pada 10 Mac lepas.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan di atas kesalahan me-nipu,” ujarnya.

Beliau turut menasihati orang ramai agar berhati-hati dengan sebarang tawaran pajakan tanah yang diiklankan di media sosial.



SUNDRA

“Orang ramai juga dinasihati supaya membuat se-makan ke atas nombor telefon yang meragukan menerusi laman web <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>.

Simbah petrol, bakar rakan hidup-hidup

Faiz Hasan

LENDU – Akibat perselisihan faham seorang lelaki tergemark menyimbah petrol dan membakar rakan sendiri di sebuah rumah di Kampung Lendu, di sini, pada 9 Mac lepas.

Dalam kejadian jam 5 petang itu, mangsa berusia 23 tahun itu melecur di leher dan beberapa bahagian badan.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendant Arshad Abu berkata, siasatan awal mendapati ketika kejadian suspek berusia 29 tahun dan mangsa dipercayai berada dalam pengaruh dadah kerana menghisap syabu.

Katanya, mangsa seorang penganggur yang berhutang dengan suspek diarahkan untuk menjelaskan hutang itu di sebuah rumah dan apabila sampai, mereka duduk berborak dan menghisap dadah.

“Berlaku perselisihan faham antara mereka apabila suspek menuduh mangsa mencuri telefon bimbit kekasihnya.

“Suspek secara tiba-tiba menyimbah min-yak petrol yang diambil dari tangki mesin ger-gaji berantai ke arah mangsa, lantas menyalaikan pemetik api dan membaling ke badan mangsa.

“Suspek kemudiannya mengurung mangsa di dalam bilik itu, namun mangsa berjaya menyelamatkan diri dan bergegas ke bilik air yang terdapat di bilik sama bagi memadamkan kebakaran itu,” katanya dalam kenyataan pada 11 Mac lepas.

Arshad berkata, pihaknya kini sedang mengesan suspek manakala mangsa sudah mendapat rawatan di Hospital Alor Gajah



KEADAAN mangsa yang melecur di beberapa bahagian badan akibat dibakar dengan petro oleh rakannya. Foto ihsan PDRM

sebelum dirujuk kepada pakar bedah plastik di Hospital Melaka bagi rawatan selanjutnya.

Katanya, polis turut merampas berapa barang termasuk gergaji berantai jenama STIHL MS180, beg sandang berwarna hijau, telefon bimbit, cota kayu hitam dan wang tunai RM50.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan cedera parah,” katanya.

Angkasa Nuri

SIAP DENGAN CCC (BUMI UNIT)

RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT
HARGA HOC dari RM337,500

SIAP DENGAN CCC (BUMI UNIT)

RUMAH BANGLO 2 TINGKAT
RM540,000

SIAP DENGAN CCC (BUMI UNIT)

RUMAH BANGLO 2 TINGKAT
RM780,000

E **D** **E** **D**

Pernajah:
Skyline Resources (M) Sdn Bhd (405057-V)
D8-08 Plaza Jayamuda, Jalan Pelandok Putih, 75300 Melaka.
Tel: 012 252 8858 (Salbiah) Fax: 06-284 5740
06-283 5442 www.jaymuda.com

JAYMUDA GROUP 佳 雅 集 團



Kereta petrol akan diharamkan?



MOHD SHUKRI MAHADI

NORWAY ialah negara yang paling agresif dalam usaha mengharamkan penggunaan kereta yang menggunakan bahan bakar fosil seawal tahun 2025.

Bukan itu sahaja, kini terdapat puluhan negara yang mengambil langkah serupa dalam tahun-tahun yang mendatang.

California (Amerika Syarikat) telah meluluskan undang-undang pengharaman kereta fosil pada 2035. Negeri-negeri lain di Amerika dijangka menyusul terutama sekali selepas kemenangan presiden baharu, Joe Biden yang mempunyai polisi mesra alam sekitar berbanding Donald Trump.

Di samping itu, kebanyakan negara Eropah akan memulakan polisi pengharaman kereta fosil bermula dari tahun 2030 hingga 2050.

ANAK CUCU KITA

Dunia kini sedang berhadapan dengan masalah pemanasan global yang serius. Mengikut laporan Union of Concerned Scientist (UCS), penggunaan kenderaan bahan bakar fosil ialah penyumbang utama kepada pemanasan global dan 24 peratus dari pengeluaran karbon dioksida dunia adalah berpuncak dari kenderaan fosil.

Pemanasan global telah mengakibatkan:

- Masalah kesihatan manusia.
- Kenaikan paras air laut akibat

kecairan ais di kutub.

- Perubahan iklim dan cuaca.
- Banjir besar, kemarau panjang dan taufan yang sering melanda.

Sekiranya langkah drastik untuk mengawal penggunaan bahan bakar fosil tidak diambil, apakah bentuk dunia yang ingin kita wariskan kepada generasi akan datang? Apakah mereka akan menjadi mangsa di atas kepalaan kita pada hari ini?

KERETA ELEKTRIK KUASA BATERI (BEV)

Suka atau tidak, dunia hari ini harus berubah. Salah satu pendekatan utama ialah dengan meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik yang dikuasakan oleh bateri. Kenderaan BEV bukanlah sesuatu yang baharu. Kereta elektrik pertama telah pun dihasilkan seawal tahun 1820an lagi. Antara ciptaan BEV yang popular ialah Lohner-Porsche (tahun 1900), Henney Kilowatt (1959), BMW 1602 Electric (1972) serta General Motors EV1 (1996).

Walaubagaimanapun kenderaan BEV tidak mampu menjadi pilihan utama (main stream) kerana beberapa kelemahan melibatkan :

- Kos pengeluaran kereta yang tinggi.
- Jarak kenderaan kereta bateri yang pendek (50KM-100KM) sebelum perlu dicas semula.
- Saiz bateri yang besar menyukarkan rekaan untuk kereta persendirian.
- Tempoh masa mengecas yang lama sehingga 24 jam untuk cas penuh.

Oleh kerana faktor kelemahan di atas, maka kenderaan fosil terus menjadi pilihan bermula dari tahun 1920an apabila Henry Ford merevolusikan kereta fosil T-model melalui pengeluaran secara "mass production" (skala besar). Pada ketika inilah kereta fosil menjadi lebih 'mainstream' kerana harga kenderaan fosil jauh lebih murah dan praktikal berbanding kereta BEV.

TESLA

Pada tahun 2006, Elon Musk melalui syarikat "startup" beliau, Tesla, telah melancarkan kenderaan BEV beliau yang pertama iaitu Tesla Roadster. Roadster menggunakan badan (chassis) dari pengeluar kereta Lotus.

Lebih menarik ialah, kereta ini boleh mencapai jarak 320km hingga 400km sekali cas. Ini ialah empat hingga tujuh kali ganda dari generasi pertama kereta elektrik. Ini juga merupakan kemajuan penting dalam kejuruteraan kereta elektrik.

Walaubagaimanapun dari segi harga, Roadster masih terlalu mahal iaitu ditawarkan pada harga USD120,000, bersamaan RM500,000 tanpa cukai.

Tesla terus mencapai kejayaan dengan pelancaran beberapa model baru yang lebih murah dan lebih jauh jarak perjalanan.

Untuk pengetahuan, saham Tesla kini merupakan syarikat kenderaan berdasarkan teknologi paling bernilai di dunia dengan penilaian pasaran USD465 bilion bersamaan hampir RM1.8 trilion jauh lebih tinggi dari syarikat pengeluar kereta terbesar di dunia, iaitu Toyota.

Tesla menyasarkan untuk menghasilkan kenderaan elektrik mampu milik di sekitar USD25,000 menjelang 2023.

KESAN DOMINO

TESLA telah memulakan revolusi dalam kereta elektrik dan tenaga boleh diperbaharui secara umumnya. Sejak itu, berlaku beberapa perubahan dalam industri pengeluaran kereta dan industri tenaga secara keseluruhannya.

Kesan kepada Pengeluar Kereta Tradisi seperti Toyota, Nissan, Mercedes, BMW, Audi dan banyak lagi kini telah meningkatkan perbelanjaan penyelidikan mereka untuk menyambut Tesla.

Hampir kesemua pengeluar kereta utama di dunia kini telah mempunyai kenderaan elektrik sama ada untuk jualan ataupun di peringkat prototaip.

Di samping itu juga, berlaku lonjakan dalam syarikat startup kereta elektrik. Washington Post pada bulan Januari 2020 melaporkan terdapat lebih dari 400 syarikat kereta elektrik baru telah beroperasi di China sebagai contoh syarikat yang berjaya ialah NIO, Xpeng dan Li Auto. Syarikat startup dari Amerika juga mula

mencuri perhatian seperti Rivian, Fisker, Lordstown, Nikola dan banyak lagi.

NS Energies melaporkan bahawa enam syarikat pengeluar petroleum juga telah membuat persediaan untuk ke arah penghasilan tenaga boleh diperbaharui.

Sebagai contoh, Shell, BP, Total, Exxon telah membelanjakan ratusan bilion USD untuk penyelidikan dan penyediaan infrastruktur untuk penjanaan tenaga melalui udara dan solar. Walaubagaimanapun jumlah perbelanjaan ini masih kecil iaitu di sekitar satu peratus hingga lima peratus dari pendapatan tenaga fosil.

Sungguhpun begitu, penjanaan tenaga boleh diperbaharui ini dijangka akan terus meningkat dalam dekad mendatang sehingga mencapai 30 peratus dari penjanaan tenaga dunia.

MALAYSIA

Portal WAPCAR melaporkan bahawa polisi automatik terutama membabitkan kereta Hibrid dan elektrik adalah tidak jelas. Kita mengharapkan kerajaan Malaysia akan menghasilkan satu kerangka jelas membabitkan kereta elektrik

Bukan itu sahaja, kerajaan juga perlu lebih proaktif dalam usaha mempromosikan kereta elektrik dengan cara:

1. Insentif cukai dan geran syarikat pengeluar kereta tempatan untuk membangunkan kenderaan elektrik sepenuhnya.

2. Insentif cukai atau kupon tebus untuk pengguna membeli kereta elektrik.

3. Tempoh masa khusus bilakah Malaysia akan beralih sepenuhnya kepada kenderaan elektrik. Ini boleh dibuat secara berperingkat, dimulakan dengan kereta individu dan kemudian kenderaan komersial (lori dan bas).

Penulis merupakan Penganalisa Pasaran Bebas



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican



DR. Ahmad Domocao Alonto, as a Filipino Congressman and later Senator, in 1962, passed a bill in the Philippine Senate to rename the Philippines to "Malaysia."

THE Pan-Malayan consciousness was voiced during the struggle of Apolinario Mabini, dubbed the "Brain of the Revolution." While the Philippine Revolution of 1896 was the struggle for national independence, Mabini understood it in the broader perspective of the liberation of all Malay peoples. Mabini reminded his countrymen that they were "malayos-filipinos."

Mabini conceived the Malay Archipelago as "Malaysia." In his 2020 paper "Historicizing Malayness: Spanish Colonialism and the Emergence of the 'Hispanized Malay', Fernando A. Santiago, Jr. provided a logic to the development of the idea of Malayness among Filipinos as articulated by the *illustrados* in the 19th century. The fate of the Filipinos in the Malay Archipelago is the product of history.

Southeast Asian Studies scholar Rommel Curaming's surveys of some of the works on Malay and Malayness included Timothy Barnard's *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries* (2004); Joel Kahn's *Other Malays* (2006) and Anthony Milner's *The Malays* (2008). In the chapters by various authors in Barnard's book, the Philippines is absent despite the volume's objective to "ex-

category of "other Malays."

But the *illustrados* earlier found their affinity to the Malay world through history. This was from the oldest historical document in the Philippines. It is the Laguna Copper Inscription, written in Old-Malay. According to Fernando, the Inscription served as evidence of Malay culture in the Philippines during ancient times. Dated to 900 C.E., bearing similarities with the Kawi script, it contained Sanskrit, Old Javanese, Old Malay and Old Tagalog words, attesting to the Hindu influence of the Sumatra-based Srivijayan empire. Several words common to Malay, Javanese and Tagalog such as *anak* (child), *dayang* (noblewoman), *hadapan* (in front), *hutang* (debt) are evident.

// The inclusion of the Filipinos indicate a complex marker of identity. of the Malay as a supra-ethnic rumpun. And Malaysia is not only the name of the nation-state, but the name of this supra-ethnic rumpun. "Malaysia" has been transcending, and contentious at the same time. //

plore Malayness across boundaries." What was discovered was that there is no entry for "Filipino" in the index, and while the term "Philippines" is mentioned in 11 pages, there is hardly a "hint" on its affinity to the Malay World, according to Curaming. He brought attention to the accompanying map labeled "The Malay World" which excluded the Philippines beyond the Sulu Sea, Mindanao and the Southern tip of Palawan.

In Milner's *The Malays*, the exclusion was deliberate due to the "consensus" definition among contemporary scholars; while Kahn's *Other Malays* includes the Philippines, especially in Mindanao, in the

Tome Pires in his *Suma Oriental* (1512 – 1515) captured the earliest European reference to the Filipinos. He called the Filipinos Lu?ões – derived from the largest island of the archipelago, Luzon. Another early reference was Antonio Pigafetta's account of events of the Magellan Expedition which arrived in the Philippines in 1521. Francisco Colin, an early 17th century Spanish chronicler, surmised that the Tagalogs were descended from the Malays "...by the Tagalog language, which resembles Malay closely, by the color and lines of the whole body; by the clothing and habit that they wore at the arrival of the Spaniards here; and lastly by the

The Pan-Malayan Consciousness: Malaysia



THE fate of the Filipinos in the Malay Archipelago is the product of history.

customs and ceremonies...derived from the Malays and other nations of India."

According to Fernando, who is the director of the Southeast Asia Research Center and Hub (SEARCH) at De La Salle University, the qualities of

grossman and later Senator, in 1962, passed a bill in the Philippine Senate to rename the Philippines to "Malaysia."

Dr. Alonto in his student days at the University of the Philippines was assistant to Wenceslao Vinzons, a guerrilla leader, noted Filipino nationalist, and a follower of Rizal. Vinzons set up a Pan Malayan Union called the *Perhempoenan Orang Melayoe* at the University of the Philippines in early 1930s which sought to "promote the study of history, civilization and culture of the Malay race...and to develop a sentiment of unity among brown peoples."

The *Perhempoenan* foreshadowed what is now Malaysia. It was one of the earliest manifestations of solidarity under the banner of Malay ethnicity. The Filipino commitment to "Malaysia" and the yearning to return to the Malay world can be found in the Tagalog "na walang ng malay tao" - meaning "Lost of consciousness."

The return to consciousness is "nagkamatay," and "Malaya," which means freedom. Alonto, following Rizal, believed in the redemption of the Malays – the "Malaysia Irredenta" (Malaysia redeemed). Vinzons, took the lead in raising awareness and consciousness

of the Malay people, culture and civilization. He proposed a re-establishment of a federation or union of Malay states.

The Filipino consciousness of the Malay world stretches beyond the Archipelago, from Madagascar to the ends of Polynesia. Vinzon's commitment to the dream of a federation "of states of the brown race," was all consuming that his youngest daughter was named Ranavalona after a Malayan queen from the island of Madagascar who fiercely resisted French subjugation..." In his letters, Vinzons would variably end with "Yours for a greater Malaysia." And some 90 years hence, we await Rodrigo Duterte's Maharlika.

**NEXT WEEK:
Of Nutmegs and Cloves**

***Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.**

Ujian Saringan Kanser Kolorektal



DR. Shankar Gunarasa



BULAN March adalah bulan kesedaran kanser kolorektal di seluruh dunia. Sempena bulan ini, saya ingin memberi sedikit gambaran tentang masalah kolorectal kanser di Malaysia dan apakah ujian saringan yang sedia ada untuk kanser kolorektal.

Apakah status kolorektal kanser di Malaysia? Berdasarkan perbincangan statistik dari tahun 2007 -2011, kanser kolorektal adalah kanser kedua penyebab kematian di kalangan rakyat Malaysia selepas kanser payudara. Dari segi jantina pula, kanser kolorektal merupakan kanser yang paling kerap berlaku dalam kalangan lelaki (16.9%) dan kanser kedua paling kerap berlaku dalam kalangan wanita (10.7%). Scenario ini lebih memudahkan rawatan bila lebih 70% kanser kolorektal dikesan berada pada tahap 3 serta 4 iaitu masing-masing 72.4% dalam kalangan lelaki dan 73.1% dalam kalangan wanita.

Oleh itu, bagaimanakah kita boleh mengelakkan atau mengelakkan scenario ini berlaku. Jawapannya ialah ujian saringan berkala. Di Malaysia ujian saringan untuk kanser kolorektal telah wujub sejak 2014 dan ujian saringan yang tak invasif yang dilakukan ialah ujian darah dalam najis atau fecal occult blood test (fobt).

Di sini najis pesakit di kaji untuk kesan darah dan sekiranya positif, pesakit perlu menjalani ujian kolonoskopi untuk mengekspos punca darah tersebut seperti polyp atau barah usus. Ada dua ujian FOBT ini iaitu guaiac dan immunochemical fecal occult-blood test. Ujian guaiac adalah ujian kaedah



yang lama di mana pesakit perlu pantang dan tidak memakan makanan yang berdagang 3 hari sebelum ujian. Ini adalah kerana kesan darah dari daging akan memberi keputusan "false positive". Berlainan pula dengan immunochemical FOBT dimana pesakit tidak perlu berpantang dan ujian ini adalah khusus untuk megesan darah dari usus. Tetapi ujian ini agak mahal dan semua ujian FOBT ini dapat dibuat di klinik kesihatan.

Kanser kolorektal ini boleh dicegah dan dirawat sebaik-baiknya dengan menjalani ujian saringan ini. Saringan ini bertujuan mengenal pasti atau mengesan tanda kanser terutama pesakit yang tidak menunjukkan gejala dan tidak mempunyai sejarah penyakit kanser kolorektal. Adalah penting untuk menjalani pemeriksaan atau ujian, walaupun anda tidak mengalami sebarang tanda dan gejala.

Siapakah yang layak untuk ujian saringan ini? Individu berisiko tinggi dan mencapai usia 50 tahun digalakkan menjalani ujian


saringan kolorektal. Individu berisiko tinggi ditujukan kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga yang pernah menghidap kanser kolon atau masalah syndromic usus seperti HNPCC atau FAP. Golongan lelaki dan perempuan berumur 50 hingga ke 75 tahun wajib menjalani pemeriksaan disebabkan peratusan kanser semakin bertambah bagi individu yang berumur lebih daripada 50 tahun.

Sekiranya ujian najis positif, anda akan di rujukan ke hospital untuk ujian kolonoskopi. Jika ia negatif, pesakit dinasihatkan mengulangi ujian ini selepas dua tahun. Kolonoskopi pula adalah prosedur yang dilakukan di bilik rawatan harian. Dalam prosedur ini, doktor menggunakan skop bertubuh panjang dan boleh melentur (fleksibel) dan berhujungkan kamera video bagi memudahkan pemeriksaan keseluruhan kolon dan dubur. Di sini sekiranya terjumpa polip, polip itu akan di kelurkan semasa ujian kolonoskopi ini. Kanser usus bermula dengan polip yang

tumbuh berbentuk benjolan kecil seperti cendawan pada permukaan usus. Oleh itu polip itu terpaksa di kelurkan. Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa sekiranya polip di keluarkan, ia akan megurangkan risiko kanser hampir kepada 70%-90%.

Oleh itu anda di galakkan untuk menjalani ujian saringan untuk kanser kolorektal. Anda mungkin dapat di rawat di peringkat yang awal sekiranya kanser di kesan. Prognosis anda adalah lebih baik jika mendapat rawatan awal. Yang paling penting adalah membuat saringan awal kanser kolorektal agar anda dapat menjalani kehidupan yang lebih bermakna bersama keluarga tersayang.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan ujian endoskopi ini, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



‘Talak PKP’: Kumpulan B40 paling ramai

Rizanizam Abdul Hamid

AYER KEROH - Golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) menjadi penyumbang terbesar kes perceraian di negeri ini sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dan 2.0 yang lalu.

Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Negeri Melaka (MSNM) Datuk Mohd Nadzri Abdul Rahman berkata, statistik menunjukkan, 30 peratus lagi adalah kumpulan profesional yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta yang pendapatannya tidak begitu terkesan akibat pandemik COVID-19.

Menurutnya, statistik menunjukkan masalah kewangan menjadi antara punca utama perceraian sebelum ia membawa kepada punca-punca lain seperti tiada kesefahaman, percaduhan kerana alasan remeh, tekanan PKP yang menyebabkan tidak bebas bergerak, masalah seksual dan media sosial.

“Tahun lalu, kes daftar cerai merekodkan 1,981 kes atau 48.2 peratus daripada 4,058 daftar keseluruhan kes dengan purata 165 perceraian sebulan.

“Walaupun kes cerai itu tidak banyak perbezaan dengan dua tahun sebelumnya iaitu 2,192 kes (2019),



MOHD Nadzri

1,938 kes (2018), namun angka peningkatan pada dua bulan tahun ini sewaktu PKP 2.0 agak membimbangkan dengan purata 116 perceraian sebulan.

“Dalam tempoh itu, pendaftaran kes cerai meningkat hampir 50 peratus iaitu 231 kes dengan pecahan 91

kes pada Januari dan 140 kes pada Februari lalu daripada keseluruhan 287 kes,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Mohd Nadzri berkata, secara keseluruhan bagi tempoh bermula 2018 hingga Februari 2021, pasangan bercerai dibahagikan kepada lima

peringkat umur iaitu 20 tahun ke bawah sebanyak 200 kes, 21 hingga 30 tahun (2,030), 31 hingga 40 tahun (2,320), 41 hingga 50 tahun (1,054) dan 51 tahun ke atas sebanyak 668 kes dengan jumlah keseluruhan adalah 6,355 kes.

“Jika dilihat pasangan berusia antara 31 hingga 40 tahun yang usia perkahwinan antara lima hingga 10 tahun adalah kumpulan paling ramai memfailkan perceraian iaitu 2,320 kes termasuk 99 pemohon dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini.

“Usia ini adalah peringkat kritis dan penuh pancaroba yang mana kebanyakan pasangan masih belum stabil dari segi kewangan dan kehidupan sosial mereka,” katanya.

Kumpulan kedua tertinggi pula katanya, adalah pasangan berusia antara 21 hingga 30 tahun yang baru berkahwin antara enam bulan hingga lima tahun iaitu sebanyak 2,030 permohonan cerai bagi tempoh sama.

“Jumlah itu termasuk 73 permohonan cerai bagi tempoh Januari dan Februari sewaktu PKP 2.0 tahun ini,” katanya.

Tambah beliau jika dilihat pada pasangan berusia 20 hingga 40 tahun, golongan itu didapati mendominasi kes perceraian iaitu sebanyak 4,350 kes daripada 6,355 keseluruhan kes, katanya.

“Jumlah itu termasuk 73 permohonan cerai bagi tempoh Januari dan Februari sewaktu PKP 2.0 tahun ini, katanya.”

Dalam perkembangan sama, beliau berkata MSNM telah mengambil beberapa langkah pendekatan bagi mengurangkan kes perceraian antaranya melalui program ‘Semarak Cinta Tautan Kasih’ yang dilaksanakan bersama kerajaan negeri Disember tahun lalu.

“Program ini bertujuan meningkatkan lagi hubungan kemesraan antara pasangan suami isteri dengan menekankan perasaan saling menghormati dan rasa cinta yang berpaksikan kepada kekuatan agama,” katanya.

4 UNIT UNTUK DIJUAL

TAMAN BANDAR BARU SUNGAI UDANG
LOT RUMAH KEDAI 2 TINGKAT

Harga Jualan dari RM 500,000 ke atas

Sale

Hubungi kami:
Minat Kemuncak Sdn Bhd
06-441 5037 / 012-311 0500

“Setakat 26 Februari, permohonan subsidi upah yang diluluskan mencapai nilai RM12.769 bilion.”

KUALA LUMPUR - Kerajaan meluluskan sejumlah 6,973 permohonan melibatkan nilai pinjaman sebanyak RM1.315 bilion di bawah pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Pinjaman Skim Pembiayaan PKS PENJANA Kerajaan lulus pinjaman bernilai RM1.315 billion

(PKS) Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) setakat 26 Februari, 2021, berbanding RM1.258 bilion pada minggu sebelumnya.

Menteri Kewangan Tengku

Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, peruntukan keseluruhan sebanyak RM2 bilion di bawah program itu mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada

bank sebelum ini.

Bagi Pembiayaan Mikro Kredit Penjana, beliau berkata sejumlah RM391.9 juta telah disalurkan setakat 26 Februari dan memanfaatkan seramai 11,708 PKS mikro.

“Ini merupakan peningkatan sebanyak RM28.5 juta, manakala PKS mikro yang mendapat manfaat telah meningkat sebanyak 934,” katanya semasa membentangkan laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (Laksana) ke-44 baru-baru ini.

Tengku Zafrul berkata Bumi-putera Relief Financing (BRF) yang diperkenalkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dengan dana RM200 juta, menyaksikan 641 PKS menerima dana sebanyak RM182.8 juta setakat 26 Februari, 2021.

Bagi Program Subsidi Upah (PSU) 1.0 pula, beliau berkata sehingga 30 September, 2020, iaitu tarikh tutup PSU 1.0, seramai 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA.

“Setakat 26 Februari, permohonan subsidi upah yang diluluskan mencapai nilai RM12.769 bilion.



TENGKU Zafrul

“Program Subsidi Upah (PSU) 2.0), setakat 26 Februari, sejumlah RM808.31 juta telah disalurkan kepada 66,591 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 554,876 pekerja,” ujarnya.

Menurutnya, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan juga semakin menunjukkan hasil memberangsangkan.

“Setakat 26 Februari, seramai 131,568 pekerja telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini berbanding 130,328 pada minggu sebelumnya.

“Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit,” katanya. - BER-NAMA



KETUA MENTERI merangkap Pengarah Lembaga Pengarah Melaka Hari Ini (MHI) Sdn Bhd, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali ketika mempengerusikan mesyuarat lembaga pengarah (BOD) MHI di Seri Negeri pada 8 Mac lepas

Hadir sama barisan ahli lembaga pengarah MHI Sdn Bhd iaitu Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Datuk Mohd Fauzi Yaakub (kanan), Setiausaha Akhbar kepada Ketua Menteri Nasharuddin Muhammad (kiri) dan Pengarah Unit Pusat Sumber Jabatan Ketua Menteri Melaka Fadhilah Md Saleh.

Manakala bagi pihak MHI Sdn Bhd pula diwakili Ketua Pegawai Operasi Anuar Shaari. Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Melaka Holdings (PMH) Siti Ainshah Osman turut hadir selaku Setiausaha MHI Sdn Bhd.

Air tebu, kelapa laris pada musim panas

Siti Salehah

BATANG TIGA - Cuaca panas terik yang berlarutan sejak kebelakangan ini memberi rahmat buat peniaga minuman di tepi jalan khususnya apabila jualan mereka laris bagaikan ‘pisang goreng panas’.

Peniaga air kelapa pandan, Mahat Deros, 57, berkata, berbanding sebelum ini jualannya kini mampu men-cecah kira-kira 40 biji kelapa sehari dan ada kalanya ‘tidak menang tangan’ melayan pelanggan yang singgah di gerai jualannya.

“Dalam keadaan cuaca panas terik ini sudah pasti cepat sahaja haus dan ramai yang mencari minuman. Air kelapa pandan ini bukan sahaja dapat enak diminum bagi menghilangkan dahaga, malah boleh menyegukkan badan.

“Walaupun saiznya kecil namun isi kelapa pandan ini tebal dan sebiji dijual pada harga RM5, bagaimanapun jika ada pelanggan yang ingin membeli yang sudah sedia di dalam jug ia dijual RM3 seawan,” katanya ketika ditemui



MAHAT melayan pelanggan yang singgah di gerai jualannya di Taman Pinang, Batang Tiga, baru-baru ini.

di gerainya di Kampung Pinang, Batang Tiga.

menampung perbelanjaan harian.

Sementara itu, bagi warga emas penjual air tebu Mohamad Che Ros, 74, sejak cuaca panas melanda dia terpaksa menggandakan bekalan tebu yang diambil bagi menampung permintaan pelanggan.

Katanya, kebiasaan bekalan tebu yang diambil hanya empat ikat iaitu kira-kira 40 batang sehari, namun sejak musim panas dia menyediakan sehingga 80 batang bagi memenuhi permintaan pelanggan yang makin bertambah.

“Daripada pengalaman

berniaga sejak 17 tahun lalu, setiap kali musim panas pasti permintaan meningkat dan dapatlah hasil lebih sedikit,” katanya yang berniaga di Jalan Pokok Mangga.

Menurutnya, sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu dia dan isteri yang turut berniaga rojak menutup

gerai jualan, namun kembali berniaga atas permintaan pelanggan tetap.

“Ramai yang bertanya dan menelefon mengatakan teringin air tebu disebabkan cuaca panas jadi untuk tidak menghamparkan pelanggan, kami kembali beroperasi,” katanya.

Program kitar semula fabrik Sanggup ulang-alik 60 kilometer

Din Ahmad

LENDU - Dua suri rumah sanggup berulang alik kira-kira 60 kilometer (km) dari Banda Hilir ke pekan ini semata-mata untuk membantu menjayakan program kitar semula bahan fabrik.

Rosila Damiri, 57, dan Rozita Zakaria, 54, masing-masing dari Banda Hilir dan Pulau Gadong, di bandar raya Melaka sanggup berbuat demikian semata-mata tidak mahu barang berkenaan disia-siakan jika dibuang begitu sahaja.

Sebaliknya, mereka menjadikan tong kitar semula di hadapan Masjid Al Sultan Abdullah, di sini sebagai lokasi paling sesuai untuk manghtar sisa fabrik seperti pakaian dan beg sekolah serta beg tangga.

Rosila berkata, dia dan rakan-nya sepakat mengumpulkan bahan berkenaan di kediaman masing-masing untuk diberikan kepada program berkenaan.

"Saya tidak tahu apa yang akan dibuat dengan bahan fabrik itu tetapi saya yakin ia dimanfaatkan

untuk kegunaan sesiapa sahaja penerimanya.

"Jika tidak digunakan semula, saya yakin ia akan dikitar semula atau dilupuskan dengan kaedah yang sempurna," katanya ketika ditemui di pusat kitar semula berkenaan baru-baru ini.

Program kitar semula bahan fabrik itu adalah anjuran bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Sementara itu, Yang Dipertua

MPAG, Mohd Fadhil Hassan berkata, selain Masjid Sultan Abdullah, tong seumpama itu juga ditempatkan di Masjid Lubok Cina beberapa hari lalu.

"Kami turut dibantu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Kloth Cares Life Line Clothing Malaysia (LLCM) dan ia bertujuan membantu komuniti merancang dan mengawal pembuangan sisa fabrik ke tapak pelupusan sampah domestik.

"Tong ditempatkan secara per-cuma tetapi LLCM akan menyediakan bayaran 10 sen bagi setiap kilogram barang sisa fabrik yang dikutip kepada pemilik tempat tong itu diletakkan," katanya.

Sehubungan itu, MPAG dan SWCorp serta LLCM bercadang menyediakan tong seumpama itu di lokasi lain yang menjadi tempat tumpuan anggota komuniti.



MOHD FADHIL



ROSILA (kanan) dan Rozita mengangkat sisa fabrik untuk dikumpulkan di tong kitar semula sisa fabrik MPAG dan SWCorp di hadapan Masjid Al Sultan Abdullah, Masjid Tanah, baru-baru ini.

Kasih bapa sepanjang masa...

TANJUNG BIDARA - Demi kasih kepada bapa, seorang remaja perempuan sanggup berkorban membawa bapa yang hilang daya penglihatan menikmati udara segar dan nyaman di pantai peranginan Pengkalan Balak, di sini.

Hampir setiap petang sejak sebulan lalu, Siti Khadijah Khamis, 19, tidak pernah alpa untuk membawa bapa tersayang, Khamis Mohd Said, 62, untuk bersiar-siar di pantai.

Tiada destinasi lain yang dipilih, selain pantai peranginan Pengkalan Balak yang menjadi tumpuan pengunjung tempatan dan dari negeri lain, terutama sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Meskipun tidak menikmati deria penglihatan sejak 10 tahun lalu, cukup bagi Khamis untuk menghirup bayu laut hampir setiap petang dan ada ketikanya dia berenang di pantai.

Pada setiap ketika bapanya bermain air, Siti Khadijah yang menuntut dalam tingkatan enam di sebuah sekolah di Masjid Tanah, pasti tidak akan membiarkan bapanya berseorangan, sebaliknya akan sentiasa memastikan bapa tercinta tidak terlepas daripada matanya.

Anak bongsu daripada tiga adik-beradik itu berkata, dia dan bapanya berpindah dari Kuala Lumpur ke kampung halaman bapanya di Durian Daun, di sini pada Disember lalu.

"Ayah kehilangan deria penglihatan sejak 10 tahun lalu akibat sakit berkaitan mata dan berpisah dengan ibu sejak 15 tahun lalu dan sebagai anak bongsu, sayalah yang paling rapat dengan ayah dan menguruskan kehidupannya. "Semasa tinggal di Kuala Lumpur, ayah berniaga menjual durian dan kami mengambil keputusan pulang ke kampung halaman kerana

ayah sudah terlalu lama merantau," katanya ketika ditemui di pantai itu baru-baru ini.

Khamis berkata, dia amat merindui bayu laut pada setiap petang dan tidak pernah alpa untuk meminta anaknya membawanya ke pantai berkenaan sejak berpindah ke Durian Daun.

"Alhamdulillah, anak saya ada lesen mandu dan mampu membawa saya berjalan-jalan di pantai sambil menghirup udara segar dan nyaman pada waktu petang di pantai yang bersih ini."

"Semasa di Kuala Lumpur saya tidak berpeluang menikmati suasana seumpama ini pada waktu petang dan hanya sesekali merasanya apabila Siti Khadijah atau dua abangnya membawa saya bersiar-siar di pantai selain pantai ini," katanya.

Meskipun tidak mampu menikmati pemandangan indah di pantai berkenaan,



SITI KHADIJAH (kanan) membawa bapanya, Khamis bersiar-siar selepas mandi di pantai peranginan Pengkalan Balak, baru-baru ini.

Khamis dapat membayangkan di fikirannya kebiruan laut dan keputihan pasir

halus di sepanjang pantai.

Katanya, dengan menikmati suasana seumpama itu, hatinya tenang dan damai dan mampu merasai segala ciptaan Allah.

'John' ceriakan pantai Pengkalan Balak

Din Ahmad

ORANG ramai yang beriadah di pantai peranginan Pengkalan Balak, di sini, petang semalam ceria menyaksikan gelagat seekor memerang jantan yang naik ke pantai untuk mencari makan.

Pada mulanya mereka bimbang untuk membiarkan haiwan yang diberi nama 'John' oleh nelayan di kawasan itu menghampiri mereka.

Bagaimanapun selepas menyaksikan haiwan marin itu kelihatan jinak dengan nelayan selepas diberikan ikan, orang ramai tidak mahu melupaskan peluang merakam detik ceria itu dengan kamera dan telefon pintar masing-masing.

Dalam kejadian jam 6.30 petang itu, memerang itu naik ke pantai sebelum 'mengejar' pengunjung pantai dan menyebabkan beberapa wanita serta anak mereka lari sambil menjerit ketakutan.

Bagaimanapun, ketakutan mereka segera dipadamkan nelayan, Mohd Amin Fuad Razali, 27, dan peniaga buah, Jamsari Ahmad, 39,

yang meminta mereka supaya bertentang kerana haiwan itu tidak mencerderakan sesiapa.

John terus memasuki Medan Selera Pengkalan Balak yang hanya beberapa meter dari pangkalan nelayan untuk mendapatkan makanan.

Ia menyebabkan beberapa pelanggan dan wanita pemilik warung menjerit ketakutan sebelum ditenangkan oleh Mohd Amin dan Jamsari yang kemudian memberi makan ikan yang boleh dijamu kepada John.

Dalam tempoh hanya

kira-kira dua minit haiwan marin itu mampu menghabiskan lima ikan gelama sebelum beredar ke laut apabila tiada lagi ikan yang boleh dijamu kepada John.

Mohd Amin berkata, John sering dilihat bersama beberapa memerang lain, di-

percaya anggota keluarganya di kawasan paya bakau di pantai berhampiran Kem Terendak, kira-kira empat kilometer dari Pengkalan Balak.


"Pada musim ombak besar seperti hari ini, John selalu dilihat naik ke pantai untuk mencari makanan ke-

rana dipercayai ombak besar menyebabkan dia susah mencari ikan," katanya.

Dia berkata, ketika neelayan menjaring ikan di pinggir pantai, memerang itu dilihat menghampiri perahu nelayan untuk meminta makanan.



ORANG ramai merakamkan detik John diberi makan ikan oleh Jamzari di pangkalan nelayan Pengkalan Balak, Masjid Tanah.



GELAGAT John menarik perhatian pengunjung pantai tersebut.

RESIDENSI
Bukit Katil

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka



Kemudahan Yang Ditawarkan:

- Surau
- Tadika & Taska
- Dewan Serba Guna
- Taman Permainan Kanak-kanak

DISKAUN REBAT
10% + 10%*

HARGA BERMULA DARIPADA
RM 186,300*

*Tertakluk pada terma & syarat

Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini



JENIS B1: 1,000 kps
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

**AG BUMI
HARTANAH**

RAKAN JUALAN PR1MA (AG BUMI HARTANAH)

510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka

Pejabat: 06 - 286 5120

wiramagr@gmail.com

Isnin - Jumaat

(9.00 Pagi - 5.00 Petang)



www.pr1ma.my

Ibu Pejabat PR1MA

03 - 7628 9898

Isrin hingga Ahad (9.00 pagi - 6.00 petang)

E-mel: info@pr1ma.my

Muat turun aplikasi PRIMA sekarang



PEMaju: PRIMA CORPORATION MALAYSIA GALERI: TINGKAT BAWAH, BLOK F, NO. 2, JALAN PJU 1A/7A, OASIS DAMANSARA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR. TEL: 603-7495 9888 FAKS: 603-7840 0268 • Nombor lesen Perajui: 14169-4501-202101433(1) • Tempoh Sah Laku: 15/1/2020 - 15/1/2021 • Nombor Permit Iklan dan Jualan: 14169-4501-202101433(1) • Tempoh Sah Laku: 15/1/2020 - 15/1/2021 • Pihak Berkuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejawat • Nombor Pelan Bangunan Diliusukan: MBMB/KB/001/1/02/2016/9 • Pembangunan Perumahan: Residensi Bukit Katil • Bilangan Unit: 52 • Jenis Rumah: Apartment • Harga Jenis A (minimum) RM200,000 (maksimum) RM302,000 • Harga Jenis B (minimum) RM250,000 (maksimum) RM297,000 • Harga Jenis C (minimum) RM250,000 (maksimum) RM297,000 • Pegangan Tanah: Pegangan Bebas Tanah Adat Melaka • Sekatan Keperingatan: Tidak • Bebanan Tanah: Tidak • Tarikh Dijenaka Sep: Mac 2023

MUFC mahu FAM ‘gantung’ pengadil

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KELAB Bolasepak Melaka United (MUFC) akan menghantar surat aduan rasmi kepada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berhubung tindakan pengadil menghadiahkan penalti kontroversi kepada Kelab Bolasepak Petaling Jaya City (PJ City FC) di Stadium MBPJ pada 10 Mac lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif MUFC Datuk Saiful Mat Sapri berkata, menerusi surat itu juga pihaknya meminta badan induk bola sepak negara menggantung pengadil perlawanan, Mohd Fairuzi Mat Desa kerana membuat satu keputusan yang begitu mengecewakan

dan hampir sahaja memberikan kekalahan pertama skuad Hang Tuah musim ini.

“Kita berharap FAM akan mengambil tindakan keras yang sewajarnya kepada pengadil tersebut agar perkara ini tidak akan berulang di perlawanan lain di masa akan datang.

“Ia mungkin tidak akan mengubah keputusan, tetapi sekurang-kurangnya kami mahu ia memberi pengajaran kepada pengadil lain agar tidak membuat keputusan yang tidak sewajarnya,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Aksi di Petaling Jaya itu menjadi buah mulut peminat bola sepak tanah air selepas video pengadil menghadiahkan sepakan penalti

‘misteri’ kepada PJ City FC tular di laman sosial.

Ulang tayang menunjukkan tiada kekasaran dilakukan Kumaahran terhadap pemain gantian, Ahmad Khairil Anuar Ahmad Zamri atau lebih dikenali ‘Beto’, namun pengadil kekal dengan pendirian untuk meneruskan sepakan penalti itu dan sekali gus membuat tuan rumah berada di depan ketika perlawanan hanya berlaku empat minit lagi.

Semangat juang yang ditunjukkan pemain MUFC bagaimanapun membuatkan pasukan berpuas hati dengan satu mata apabila berjaya mengikat kedudukan beberapa saat sebelum wisel permat.

SAIFUL...MUFC
akan menghantar surat aduan rasmi kepada FAM.



MUHAMMAD Hamka (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejohanan eSports Sekolah Melaka 2021 di Dewan Bestari Jabatan Pendidikan Negeri Melaka di Bukit Baru, baru-baru ini.

Liana Sahabudin

PERSATUAN Sukan Elektronik Melaka (MEA) mencungkil bakat baru untuk diketengahkan sebagai atlet sukan elektronik (eSports) bagi menyertai Sukan Malaysia

(SUKMA) ke-20 di Johor tahun depan.

Presidennya, Muhammad Hamka Mohd Ali berkata, berikut itu pihaknya menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan beberapa per-

satuan sukan itu bagi mengenal pasti pelajar yang berpotensi untuk menyertai sukan dwitahunan itu.

Katanya, setakat ini pihaknya masih lagi menganjurkan beberapa pertandingan sukan secara atas ta-

SUKMA Johor 2022

MEA cungkil bakat eSports

Ia berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang tidak membenarkan sebarang perjalan berjalan.

“Selepas ini kita akan adakan aktiviti secara ‘offline’, maknanya program secara bersempena antara semua peserta supaya suasannya lebih meriah namun masih mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

“Dengan cara itu, kita mampu mencungkil bakat baru dan memilih pemain terbaik untuk dilatih untuk menyertai SUKMA Johor 2022 nanti,” katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini selepas menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan eSports Sekolah Melaka 2021 di Dewan Bestari Jabatan Pendidikan Negeri Melaka di Bukit Baru, baru-baru ini.

Dalam program berkenaan, lebih 2,500 peserta dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri ini menyertai kejohanan berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengenal pasti beberapa senarai pemain menerusi beberapa persatuan daerah, namun perkara itu masih belum dimukta-madkan.

“Kita akan kenal pasti lagi pemain-pemain baharu untuk diketengahkan bakat mereka,” katanya.

Berikut itu, Muhammad Hamka menggalakkan setiap persatuan sukan itu melatih ahli masing-masing untuk bergiat aktif dalam permainan Mobile Legends Bang-Bang (MLBB), Pro Evolution Soccer (PES) dan DOTA 2 yang dijangka akan dibawa ke temasya SUKMA Johor 2022 nanti.

Sukan berpotensi sumbang emas sedang dinilai - Hamidin

SETIAP sukan yang bakal mewakili Malaysia di Sukan SEA 2021 kini dalam proses penilaian akhir bagi melihat kemampuan untuk menyumbang kutipan pingat emas, kata Ketua Kontinjen negara yang baharu dilantik Datuk Hamidin Mohd Amin.

Beliau berkata ia juga bagi membolehkan penetapan sasaran pingat dilaku-

kan pada kejohanan yang bakal berlangsung dari 21 November hingga 2 Disember depan di Hanoi, Vietnam.

“Kita dalam fasa akhir menilai acara yang berpotensi meraih pingat terutama emas, sekali gus menetapkan sasaran pingat. Ini berikutan, setiap sukan atau acara berdepan cabaran berbeza

khususnya dari aspek sesi latihan dan pendedahan dengan pertandingan kompetitif susulan pandemik COVID-19,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Menurutnya buat masa ini, 40 sukan dengan 526 acara bakal dipertandingkan di Vietnam.

Hamidin yang juga

Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) berkata beliau juga akan bertemu dengan setiap presiden persatuan sukan untuk mendapatkan perkembangan terkini atlet dan persiapan masing-masing dalam masa terdekat.

“Penting buat saya untuk terus mengadakan mesyuarat sehari selepas

pelantikan kerana kita perlu bergerak kemas terutama dalam mengenal pasti sukan serta atlet yang akan dimutamadkan ke Vietnam.

“Dengan situasi COVID-19, setiap sukan sememangnya berdepan cabaran hebat tetapi kita akan menanganiinya secara bersama sebaik mungkin,” katanya.

- BERNAMA



HAMIDIN



>> MEA CUNGKIL BAKAT
ESPORTS • Lihat muka 23

Sukan

MELAKA HARI INI

Keputusan Liga Super Malaysia 2021

PJ City FC lawan Melaka United FC



2



2

Darren Lok 70', 86'(P)

Kumaahran 56'
Faris Shah 90+6'

MUFC impi juara Liga Super



Mohamad Fazrul Abdul Majid

KETUA Jurulatih Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC) Zainal Abidin Hassan memasang impian untuk mencipta satu sejarah yang terbaik

dalam sejarah bola sepak Melaka, musim ini.

Selepas tiga musim diberi kepercayaan memimpin pasukan, beliau percaya sudah tiba masa untuknya dan pasukan bekerja keras dalam

memberikan keputusan terbaik untuk menghadiahkan sesuatu kepada pihak pengurusan dan penyokong setia Gegau Melaka Gegau.

Beliau berkata, semua itu bagaimanapun bukanlah sesuatu yang mudah, namun ia tidak menjadi satu kesalahan untuk meletakkan sasaran muncul jura.

"Yang penting di dalam liga ialah saya ingin memperbaiki pencapaian sebelum-sebelum ini dan mencipta satu sejarah yang terbaik untuk pasukan Melaka.

"Sudah tentu semua pasukan yang bertanding mahu jadi juara, begitu juga impian Melaka United. Jadi, kita akan cuba sedaya upaya," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Zainal berkata, pasukannya cukup beruntung kerana pemain baharu dan lama cepat menyesuaikan diri bersama pasukan.

Ujarnya, kesefamanan adalah aspek terpenting dalam membantu pasukan di dalam setiap perlawanan yang akan dihadapi.

"Keistimewaan pasukan ini musim 2021 ialah pemain baharu yang kita bawa masuk boleh dikatakan cepat mendapat rentak dan serasi di antara satu sama lain di dalam pasukan.

"Tetapi saya tidak nafikan masih

ada beberapa kekurangan atau kecacatan di situ dan di sini, namun kita akan sedaya upaya memperbetulkan agar ia tidak akan berulang sepanjang musim ini," katanya lagi.

Bercakap tentang pemain harapan MUFC musim ini, Zainal telah menyebut tiga nama yang diyakini akan memberi impak besar dalam setiap perlawanan.

Katanya, pemain itu ialah Sony Norde, Wan Zaharulnizam Wan Zakaria dan S Kumaahran yang berfungsi sebagai nadi utama pasukan.

"Ketiga-tiga pemain ini memberi kesan yang besar kepada jentera serangan pasukan, jadi saya berharap dengan pembaharuan ini kita dapat memperbaiki kelemahan musim lalu yang acap kali ketandusan gol," katanya lagi.

Untuk rekod, sepanjang dua musim memimpin pasukan, Zainal telah membantu Melaka United menduduki tangga ke-6 Liga Super pada musim 2019 dan tangga ke-9 pada musim lalu.

LIGA SUPER MALAYSIA 2021

JADUAL PERLAWANAN MELAKA UNITED FC

PERLAWANAN KE - 1	PERLAWANAN KE - 2	PERLAWANAN KE - 3	PERLAWANAN KE - 4
STADIUM HANG JEBAT, MELAKA SABTU, 6 MAC 2021 9.00 PM	STADIUM MBPJ, PETALING JAYA RABU, 10 MAC 2021 9.00 PM	STADIUM HANG JEBAT, MELAKA SABTU, 13 MAC 2021 9.00 PM	STADIUM SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN SELASA, 17 MAC 2021 9.00 PM
PERLAWANAN KE - 5	PERLAWANAN KE - 6	PERLAWANAN KE - 7	PERLAWANAN KE - 8
STADIUM HANG JEBAT, MELAKA SRBTU, 20 MAC 2021 9.00 PM	STADIUM SULTAN IBRAHIM, ISKANDAR PUTERI JUMAT, 2 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM HANG JEBAT, MELAKA SELASA, 6 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM UTM, SHAH ALAM SRBTU, 10 APRIL 2021 9.00 PM
PERLAWANAN KE - 9	PERLAWANAN KE - 10	PERLAWANAN KE - 11	
STADIUM HANG JEBAT, MELAKA RHAO, 18 APRIL 2021 9.00 PM	STADIUM PERAK, IPOH RHAO, 9 MEI 2021 9.00 PM	STADIUM HANG JEBAT, MELAKA SELRSR, 18 MEI 2021 9.00 PM	

Grafik : Melaka Hari Ini
Sumber : melakahariini.com

MUFC mahu FAM 'gantung' pengadil

MUFC akan menghantar surat aduan rasmi kepada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berhubung tindakan pengadil menghadiahkan penalti kontroversi kepada Kelab Bolasepak Petaling Jaya City (PJ City FC) di Stadium MBPJ pada 10 Mac lepas.

Lihat muka 23